

DESAKAN RAKYAT

Chedet.cc

14 Jun 2016

Tun Dr Mahathir Mohamad

1. Ada ahli UMNO yang tidak senang dan marah kerana saya berada di satu pentas dengan Kit Siang, musuh ketat UMNO
2. Saya tidak akan ada bersama Kit Siang jika UMNO masih UMNO yang ditubuh pada 1946.
3. Dimasa saya jadi Presiden UMNO dan Perdana Menteri teguran dan cabaran terhadap saya tidak ditegah oleh saya. Musa Hitam, Tengku Razaleigh dicalon untuk bertanding jawatan Presiden dan Timbalan Presiden. Ramai Menteri dalam Kabinet saya, seperti Rais Yatim, Abdullah Ahmad Badawi, Syed Hamid, Kadir Sheikh Fadzir berkempen menyokong Razaleigh dan Musa. Saya tidak halang mereka, tidak lucut keahlian mereka.
4. Keputusan undian memberi kemenangan kecil kepada saya dan Ghafar. UMNO diheret ke mahkamah dan hakim hukum UMNO haram.
5. Saya terpaksa hidupkan semula UMNO. Walaupun Tengku Razaleigh menubuh Semangat 46 tetapi majoriti ahli UMNO menyertai UMNO Baru. Turut menyertai ialah Abdullah Badawi, Kadir Sheikh Fadzir, Syed Hamid dan kemudian Rais Yatim. Mereka kembali menjadi Menteri. Tidak ada siapa yang dibuang dari UMNO melainkan mereka sendiri memilih untuk menyertai Semangat 46.
6. Apabila Semangat 46 dibubar, ahli mereka diterima balik ke dalam UMNO.
7. UMNO kembali kuat walaupun yang tidak sokong saya dimasa pertandingan berada dalam UMNO.
8. Inilah cara UMNO. Pemimpin dan ahli bebas menegur dan mencabar pemimpin. Saya diserang hebat oleh penyokong Anwar semasa dia menjadi Timbalan Presiden dan Timbalan Perdana Menteri.
9. Penyingkirannya dibuat oleh Majlis Tertinggi dengan dia diberi hak mempertahankan diri. Keputusan dibuat oleh Majlis Tertinggi.
10. Dalam kes Musa Hitam yang telah letak jawatan sebagai Timbalan Presiden dan Timbalan Perdana Menteri, Majlis Tertinggi membuat keputusan untuk menghantar rombongan dibawah Wan Mokhtar ke London untuk memujuk Musa menarik balik perletakan jawatan-jawatannya. Saya tidak larang.
11. Dia bersetuju kembali sebagai Timbalan Presiden dan tidak sebagai Timbalan Perdana Menteri. Saya terpaksa lantik Ghafar Baba sebagai Timbalan Perdana Menteri, sementara Musa terus jadi Timbalan Presiden.
12. Lepas itu Musa pujuk musuhnya, Tengku Razaleigh untuk bertanding sebagai Presiden melawan saya. Musa sendiri bertanding jawatan Timbalan Presiden dibawah calon Presiden Tengku Razaleigh musuhnya.
13. Walaupun Musa melakukan semua ini saya lantiknya sebagai Wakil Istimewa Malaysia ke Bangsa-Bangsa Bersatu. Saya beri kepadanya taraf Menteri.

14. Semua yang saya lakukan diasaskan kepada demokrasi. Tetapi hari ini Najib sebagai Presiden bukan sahaja tidak boleh dicabar, tetapi tidak boleh ditegur pun. Kalau sesiapa menegur dianya dilucut keahlian dalam parti. Ini disusuli dengan larangan bertemu ahli dan pemimpin UMNO. Ada pula keputusan menggantung jawatan. Tidak ada peluang diberi untuk pertahan diri.
15. Perwakilan ke Mesyuarat Agung UMNO tidak lagi bebas bersuara. Mereka ditaklimatkan supaya tidak sentuh 1MDB dan 2.6 billion Ringgit dalam akaun peribadi Najib.
16. Dalam keadaan begini bolehkah ahli UMNO beri sokongan kepada saya secara terbuka dan ramai jika saya tegur Najib? Beranikah ahli UMNO secara terbuka tandatangani Deklarasi Rakyat untuk menjatuhkan Najib?
17. Beberapa Ketua Cawangan yang mengkritik Najib telah diberi amaran, diganggu perniagaan, ditarik balik biasiswa isteri dan bermacam lagi tekanan.
18. Yang jelas ialah semua Menteri-Menteri, Ketua Bahagian UMNO, wakil-wakil rakyat UMNO membisu dalam merestui segala salah laku Najib. Biarlah hilang berbillion Ringgit, negara dikenali di dunia sebagai antara sepuluh negara yang tertinggi rasuahnya, rakyat Malaysia apabila berada di luar negara dimalukan dan dihina dan Najib sendiri takut bertemu dengan pemberita asing, namun ahli UMNO akan sokong Najib.
19. Akhbar dunia melapor secara terperinci dan terbuka berkenaan bagaimana Najib menyalahguna kuasa, memasukkan dalam tahanan pemimpin UMNO yang membuat laporan polis, mendakwanya di bawah undang-undang penganas, menangkap peguamnya, tetapi pemimpin dan ahli UMNO tidak berasa malu dan terus sokong Najib.
20. Dan sekarang undang-undang dikuatkuasakan yang memberi kuasa kepada Najib membelakangkan Yang diPertuan Agung, Kabinet, Dewan Rakyat, Dewan Negara untuk mengisytiharkan kawasan darurat dalam mana Najib sebagai Pengerusi National Security Council (Majlis Keselamatan Negara), boleh masukkan dalam tahanan siapa sahaja tanpa dibicara di mahkamah.
21. Semua pihak dalam dan luar negara mengecam undang-undang ini. Yang diPertuan Agung dan Raja-Raja tidak menandatangani undang-undang ini. Baginda dan Duli-Duli Raja-Raja mengarahkan supaya dikaji dan dihalusi peruntukan dalam undang-undang ini.
22. Najib tidak endah semua bantahan dan nasihat Raja-Raja. Dia kuatkuasakan sahaja undang-undang ini.
23. Yang boleh meminda atau menolak undang-undang ini ialah Dewan Rakyat. Ahli Dewan Rakyat dari UMNO dan BN tidak mungkin menolak rebutan kuasa oleh Najib.
24. Apakah mungkin teguran saya disokong oleh ahli UMNO secara meluas? Tentu tidak. Saya tidak sertai mana-mana parti sekarang. Saya bebas untuk berserta dengan apa sahaja gerakan. Sebagai rakyat Malaysia saya sertai gerakan rakyat untuk menumpaskan Najib. Jika terdapat dalam gerakan ini Lim Kit Siang, dia juga rakyat. Hanya dalam usaha dan niat untuk singkirkan Najib sahaja kita bersetuju.

25. Oleh kerana pimpinan UMNO sekarang tidak faham bahasa saya, saya jelaskan sekali lagi bahawa saya bertindak sebagai rakyat Malaysia untuk menyedarkan Najib bahawa rakyat tidak terimanya lagi.

26. Jika ada Kit Siang atau sesiapa bersama saya, itu adalah kerana mereka seperti saya juga rakyat Malaysia yang hendak menyatakan kepada Najib melalui PRK ini bahawa rakyat sudah tidak lagi dapat menerima Najib sebagai Perdana Menteri. Hanya secara kebetulan sahaja mereka menjadi ahli parti-parti politik atau NGO.

27. Tetapi yang tidak mahu faham tentu tidak akan faham juga.

ENG VERSION

CITIZEN'S URGINGS

1. There are UMNO members who are unhappy and angry that I shared the same stage with Kit Siang, UMNO's bitter rival.
2. I will not be with Kit Siang if UMNO is still the UMNO that was founded in 1946.
3. When I became the President of UMNO and the Prime Minister criticism and challenges towards me was not prohibited by me. Musa Hitam, Tengku Razaleigh were nominated to contest for posts of President and Vice President. Many ministers in my cabinet, like Rais Yatim, Abdullah Ahmad Badawi, Syed Hamid, Kadir Sheikh Fadzir campaigned support for Razaleigh and Musa. I did not prohibit them, nor did I terminate their membership.
4. The result of the poll gave a small victory to me and Ghafar. UMNO was taken to court and the judge declared UMNO illegal.
5. I had to reconvene UMNO. Although Tengku Razaleigh formed Semangat 46, the majority of UMNO members joined the new Umno, UMNO Baru. Joining UMNO Baru were Abdullah Badawi, Kadir Sheikh Fadzir, Syed Hamid and then Rais Yatim. They returned to be Ministers. Nobody was sacked from Umno but they are those who themselves chose to participate in Semangat 46.
6. When Semangat 46 was dissolved, their members were received back into UMNO.
7. UMNO returned to be strong although those who that did not support me during the party election remained in UMNO.
8. This was how UMNO was. Leaders and members were free to criticize and challenge the leaders. I was severely attacked by supporters of Anwar when he was Deputy President and Deputy Prime Minister.
9. His removal was made by the Supreme Council and he was given the right to defend himself. The decision was made by the Supreme Council.
10. In the case of Musa Hitam who had resigned as Deputy President and Deputy Prime Minister, the Supreme Council made the decision to send a delegation under Wan Mokhtar to London to persuade him to withdraw his resignation. I did not forbid.

11. He agreed to return as Deputy President but not as Deputy Prime Minister. I was forced to appoint Ghafar Baba as the Deputy Prime Minister, while he continued to be the Vice President.

12. Then Musa persuaded his adversary, Tengku Razaleigh, to run for post of President against me. Musa himself contested the Deputy President's post under the Presidential candidacy of Tengku Razaleigh, his enemy.

13. Even though Musa did all these I appointed him as Special Representative of Malaysia to the United Nations. I gave him the status of Minister.

14. Everything I did was based on democracy. But today Najib as president not only cannot be challenged, but also cannot even be criticized. If anyone reprimands he is deprived of membership in the party. This is followed by a ban in meeting UMNO members and leaders. There is also the decision to suspend him from the post. There is no opportunity given to defend himself.

15. UMNO delegates to the General Meeting are no longer given the liberty of free speech. They were briefed not to touch on the question of 1MDB and the 2.6 billion ringgit in Najib's personal account.

16. Under these circumstances can Umno members give their support to me openly and publicly if I chided Najib? Are UMNO members daring enough to openly sign the Declaration of the People to topple Najib?

17. Some branch leaders who criticized Najib had been warned, their businesses interrupted, wives' scholarships withdrawn and many other pressures.

18. What is clear is that all Ministers, Heads of Umno, Umno elected representatives, remained silent and endorsed all the wrongdoings of Najib. Let billions of ringgit be lost, let the country be known worldwide as one of the ten top most corrupted countries, let Malaysians when abroad be humiliated and insulted and Najib himself be afraid of meeting foreign reporters, but UMNO members will continue to support Najib.

19. World press report in detail and openly about how Najib abused power, put under detention UMNO leader who lodged police reports, prosecute him under the law of terrorism, detain his lawyer, but the leaders and members of UMNO do not feel ashamed and continue to support Najib.

20. And now there is a law in force which empowers Najib, sidestepping the King, the Cabinet, the Parliament, the Senate, to declare a state of emergency in any area where Najib as Chairman of the National Security Council can enter and put anyone under detention without trial in court.

21. All parties in and outside the country are denouncing this law. The Yang di-Pertuan Agong and the Rulers did not sign this law. His Majesty and The Rulers ordered the provisions in this law to be reviewed and refined.

22. Najib ignored all the objections and advice of the Rulers. He will only enforce this law.

23. Parliament can amend or reject this legislation. It is highly unlikely Members of Parliament from UMNO and BN will frustrate seizure of power by Najib.

24. Is it possible that my criticism be widely supported by members of UMNO? Of course not. I am not involved in any party now. I am free to participate in whatever movement. As a Malaysian I joined the

people's movement to topple Najib. If there is in this movement Lim Kit Siang, bear in mind he is also a citizen. It is only in this effort and intention to get rid of Najib that we agree.

25. If UMNO leaders still do not understand my language, let me explain once again that I act as a citizen of Malaysia to make Najib realize that the people do not accept him anymore.

26. If there is Kit Siang or anybody else with me, this is because they too are, like me, Malaysians who want to express to Najib through this election that people are no longer able to accept Najib as Prime Minister. Only by coincidence alone that they are members of political parties or NGOs.

27. But certainly those who do not want to understand will not understand as well.

98 thoughts on "DESAKAN RAKYAT"

1.  [Log in to Reply faridina](#) Jun 21,2016 11:18 PM

Assalam Dearest Tun,

You are absolutely right Doc @ tok jangut, even a bloody rich Pee M with billions in his private bank account who he can afford to hire the best doctor in the world will not guaranteed him long life.

Worse still if he and his bee hive hair wife were to stay at the luxurious Sg Buloh hotel for the rest of their live.

I wish the true eagle is here and they can help compose a not so beautiful song titled Hotel Sg Buloh.

Over here we don't have an eagle but I suppose this jackass is a donkey who feed on dedak!

Long live Tun M !

Wasalam Tun.

2.  [Log in to Reply tok jangut](#) Jun 21,2016 6:56 PM


To Eagle,

Do you think you are Allah to be able to say that Mahathir will "leave us , very soon"? You cannot guarantee that you will outlive Mahathir.

He is fighting a just war. There is nothing wrong for a hatred on unjustness. Indeed, it should be encouraged.

Where politicians take money belonging to the people, they are depriving the people (both young and old) of hospitals, housing, education and opportunities. These moneys must be returned. All you need to do is look at Philippines. Marcos took two-third of the reserves of the country. As a result, most Filipinos are so poor without proper amenities. Most leave their country to work as maids and construction workers and are often abused. As it now stands, about 300,000 Malaysians leave to work in Singapore daily. They go to Singapore not as managers but cleaners and to do other works that


Singaporeans do not want to do. Do you want to continue to see this? Do you want to see this situation becomes worse?

3.  [Log in to Reply](#) **Eagle** [Jun 21,2016 2:04 PM](#)

janggung, dont be dumb.. tun is old & he will definitely leave us, very soon.. let him go in peace.. stop the provokes & hate... why are you so duniawi...

4.  [Log in to Reply](#) **amd trmz** [Jun 20,2016 3:29 PM](#)

TUN MAHATHIR JANGAN KECEWA...
Kami bersamamu...

5.  [Log in to Reply](#) **amd trmz** [Jun 20,2016 3:26 PM](#)

PRU KECIL

NEJIB JANGAN LA NAK BONGKAK SANGAT..

Macam biasa sekarang ni rejim nejib bertalu-talu menyerang tun dimedia...

Hakikatnya AMNO MENANG PRU KECIL BUKAN DENGAN KEKUATAN SENDIRI TETAPI OLEH PERPECAHAN DAN MASALAH PARTI PEMBANGKANG + hudud karut pas

ANALISIS PRU SG BESAR DAN KUALA KANGSAR

1. Undi terbahagi kepada 2 pada pas dan amanah.
2. Sebab hudud pas, masyarakat bukan islam hanya ada 2 pilihan samada undi BN atau Amanah.
3. Masyarakat kampung tiada terkesan dengan GST, Tol Naik,One n dee bee,harga rumah naik. Mereka hanya perlu dedak.
4. Nejib dah keluarkan dedaknya.
5. Pas tak sedar diri jadi tunggangan nejib. Dia ingat pilihanraya lalu dia dapat sokongan bukan islam sebab negara kebajikannya.
6. PRU ini amanah dilihat melebihi pas.

INGATLAH NEJIB, INI BUKANNYA PRESTASI TERBAIK KAMU, ANDA BOLEH CAKAP RAKYAT SOKONG ANDA JIKA ANDA MAMPU MENANG PILIHANRAYA BANDAR.

KESIMPULANNYA

1. Undi masyarakat bukan islam terarah kepada BN dan Amanah disebabkan hudud karut pas.
2. PAS memang bodo# jadi tunggangan nejib

JANGAN NAK BONGKAK SANGAT NEJIB, ANDA MEMANG IDI AMIN MALAYSIA DAN ANDA TELAH MENGAKUINYA!!!

6.  [Log in to Reply tok jangut](#) Jun 20, 2016 2:37 PM

To eagle,

With due respect to you, your advice to Mahathir to retire is dumb.

What Mahathir has suffered over the weekend, was just temporary. In all battles, you win some and you loose some. At the end, what matters is winning the war.

I wish Mahathir long life and health and the strength to carry on his battle.

7.  [Log in to Reply Karl @ www.karl-iskandar.ml](#) Jun 20, 2016 12:41 PM

Aslm.

1. RESPECT

One of the many lessons from the PRK outcome is that Tun will need to abandon the strategy of ridiculing his opponent, such as calling them 'pemakan dedak' and hurling personal attacks ala-RBA, name calling and such, a strategy that is already overdone, an overkill and passe.

Voters, especially in the fasting month of Ramandan, find it beneath Tun as an elderly Muslim and a statesman bearing insults, speculations, character assassinations against another person.

Tun must remember that RESPECT is not what you have, but what your listener thinks you have. Tun, in showing disrespect to an elected PM using vile and irrational expressions, has in turn lost the respect of the people for Tun in KK and Sg Besar.

My words of consolation and advise for Tun is:

FA' INNA MA'AL USRI YUSRA

Terima kasih Tun. Enjoy your Ramadan!

<http://www.karl-iskandar.ml>

8.  [Log in to Reply zulu](#) Jun 20, 2016 11:46 AM

Some people telling Dr. M should retire in peace, but those people should know that...

Dr. M built Malaysia from scratch to a level where outside people came to know there is a country called MALAYSIA during his Premiership. Indeed it will be painful for him to see crooks and thieves

hijacked that and bringing it back to initial stage and spoiling the respect of Malaysians enjoyed in foreign countries.

If a Malaysian goes to a foreign country now, the first thing in other people perception is "corruption, \$1.2 bil in PM personal a/c and high crime rate".

Foreign travel agencies advice the tourists to be more careful with their belongings when in Malaysia.

All these because of unqualified top level UMNO politicians and the leader who only participate in functions, loot people money from govt. coffer, eat and rest in resorts, spend time in yachts and travel to foreign countries which doesn't treat him as important person, they just give a formal ceremony (how many leaders from developed countries with delegates visited Malaysia for the sole purpose of making business agreements? unless there is a meeting of an international entity).

Now Najib is thinking the verdict of two by-elections is a "go ahead" signal for his looting job and his family's royal lifestyle at the expense of tax payers money.

Doubt arising now whether Malaysians really having brains!!!

najib is telling Dr. M to continue support the opposition parties. This ultimatum means "I will continue to steal and these fools won't mind it"

That's funny...

9.  [Log in to Reply](#) **farz** [Jun 20,2016 10:13 AM](#)

Tun ,

Assalamualaikum. Kecewa juga saya dengan keputusan pilihan raya. Mungkin sebab rakyat tak ada pilihan, kita tau pihak pembangkang dah berpecah belah. Tuan Haji Hadi pun dah lain macam sahaja sekarang. Tak dapat saya bayangkan perasaan Tun tetapi saya juga sedar bahawa Tun is an 'extra ordinary person'. Tun berjiwa kental dan tidak cepat berputus asa. Ini dugaan dari Allah s.w.t. Saya percaya Allah s.w.t tidak akan membiarkan pemimpin seperti Najib dan kuncu-kuncunya memerintah begitu lama. Saya sedar sebagai orang Islam, kita tidak boleh mendoakan keburukan kepada orang lain. Tetapi doa saya ialah negara ini akan bebas dari rasuah dan nepotisme dan penyalahgunaan kuasa. Kita sudah hampir ke peringkat di mana rasuah dilakukan secara terang-terangan dari pihak bawahan hinggalah yang tinggi dan mendapat endorsement dari atas. Baru-baru ini ada tangkapan dibuat terhadap pegawai-pegawai bawahan imigresen. Nak tergelak jugak saya tengok siap ada kenyataan bahawa tiada pegawai tinggi yang terlibat. Cepatnya mereka buat rumusan sebegitu. Kenapa perlu dibuat kenyataan sebegitu? Apapun yang pasti, rakyat sedang mengeluh kerana harga barangan semua naik begitu mendadak selepas GST. Ekonomi tak berkembang, kadar jenayah semakin tinggi, kemasukan rakyat asing semakin ramai dan kita ditinggalkan dibelakang negara-negara jiran. Baru-baru ini kawan saya perlu berurusan dengan salah sebuah kaunter kerajaan, staf-staf di kaunter dengan tidak segan silu membandingkan 'pendapatan harian sesama mereka' untuk hari itu.....

10.  [Log in to Reply](#) **Eagle** [Jun 20,2016 9:48 AM](#)

Just please retire in peace Tun..



11. [Log in to Reply](#) **faridina** [Jun 20, 2016 9:44 AM](#)

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Sdr Anwar Ibrahim dipecat dari UMNO tatkala beliau Timbalan Presiden UMNO dan perolehi simpati lantas tertubuhnya PKR yang mudah diterima dalam kelompok pembangkang.

Mat Sabu bermula juga dari ABIM masuk PAS dan akhirnya dapat menjadi Timbalan Presiden PAS dan ada hati nak gulingkan Presidennya sedangkan dia bukannya ulamak dan sepatutnya sedar atau bersyukur takat jadi Timbalan Presiden sudah cukup baik untuk kerja mengimbangi DAP.

Tapi nasi dah jadi bubur tembelang dia diketahui puak ulamak maka langsung kalah Timbalan Presiden dan punyalah bengap pi keluar PAS dan tubuh PAN maka jangan harap dapat simpati tapi dapat kebencian sebagai pengkhianat.

Yang Mat Sabu bengap sangat tubuh parti baru buat apa sedangkan mereka bukan ulamak tapi platform anwarinas pi lah sertai PKR dan DAP bukan faham ingatkan PAN boleh tarik orang Melayu yang islamik jangan haraplah dan kesudahannya undi Melayu pembangkang berpecah!

Kalau ini dibiarkan berterusan yang untung pastinya BN walaupun tunjangnya bapak penyamun.

Penyelesaiannya sudah pasti bubarkan sahaja PAN bukan untuk kembali pada PAS tetapi dibenarkan menyertai PKR dan DSAI boleh memainkan peranan menyatukan PAS dan DAP untuk menghidupkan semula pakatan rakyat.

Bagaimana asalnya pengaruh DSAI telah menemukan PAS dan DAP maka kali ini hanya DSAI sahaja yang berupaya memulihkan hubungan kedua2 parti ini tiada orang lain nampak gayanya.

DSAI harus mengaturkan strategi di belakang tirai besi dengan kadar segera sementara BN diulit mimpi indah kemenangan teknikal sehingga mungkin mempercepatkan PRU 14.

Lebih baik jadi underdog daripada terlalu confident yang melampau.


Walaupun ada sedikit nostalgia kalau UMNO tidak lagi memerintah tetapi selagi Ajib Aljolo masih ditampuk biarlah ianya pengajaran agar UMNO tanpa Ajib Aljolo lebih bersih, cekap dan amanah, lambat laun diterima kembali rakyat.

Cukup meluat dan jijik mendengar cemuhan terbuka Ajib Aljolo terhadap Tun. Hanya Yang Maha Esa membalasnya. Jangan angkuh jangan sombong jangan bongkak kerana kita tak tahu apa yang sedang direncana Yang Maha Mengetahui.

Tun eloklah berehat buat seketika dan habiskan baki ramadan dengan sama2 kita berterawih dan lupakan hal dunia buat seketika biar Allah s.w.t yang uruskan.

Wasalam Tun.

p/s – Kurang sudah kecewa bila Hajar nyatakan kita diuji Allah s.w.t dengan kekalahan dan ramai pendedak baru bersilih ganti di sini dan terbaru ada seorang 'Karldai' mulut penuh dedak ekor penuh tahi.

12.  [Log in to Reply sibotakJun 20,2016 7:41 AM](#)

UMNO Parti yg establish
Tapi Mari Kita lihat kedudukan Najib Jika bertanding
Tak perlu Najib bertanding Sama Tun Mahathir

Mari Kita lihat Saja
Najib Sama Mukhliz
Atau Najib Sama Ramizi Sudah
Belum lagi Sama Anwar

Mari Kita lihat Sama yg memang
Mari Kita lihat Mana Najib duduk ?

13.  [Log in to Reply Sri SenseJun 20,2016 12:42 AM](#)

Salam Tun

Sebelum tidor I nak share apa kawan komen tentang Chinese swing votes.

Kawan kata sebab duit tabung kerajaan seperti EPF, KWAP, PNSB, Tabung Haji banyak lagi, boleh guna lagi untuk aktiviti money laundering. Votes yang diberi adalah untuk jatuhkan kerajaan Melayu UMNO sebenarnya.

Ya ke? Entah la I tak tau



Ada juga kawan yang kata Najib guna Hudud untuk menang election. PAS tertipu.

Hmmm...good night Tun.



14.  [Log in to Reply WandyCaswadyJun 20,2016 12:28 AM](#)

وَكَيْلًا دُونِي مِنْ اتَّخِذُوا آلَ إِبْرَاهِيمَ لِيُنِي هُدًى وَجَعَلْنَاهُ لِكِتَابِ مُوسَى وَأَتَيْنَا

Waatayna moosa alkitabaja wajaAAalnahu hudan libanee israeela alla tattakhithoo min doonee wakeelan

And We gave Moses the Scripture and made it a guidance for the Children of Israel that you not take other than Me as Disposer of affairs,

اشكُورَ اعْبَدَ كَانَ إِنَّهُ ُ نُوحٍ مَعَ حَمَلْنَا مَنْ ذُرِّيَّةَ

Thurriyyata man hamalna maAAa noohin innahu kana AAabdan shakooran

O descendants of those We carried [in the ship] with Noah. Indeed, he was a grateful servant.



15. [Log in to Reply joetachi](#) Jun 20, 2016 12:10 AM

#PRK #tahniah

Tinggi tinggi burung sekawan....
Dpt dikembang, Rasanya terbang
Sudah pon Suka Ankatlah tangan,
Ucapkn tahniah sbb dh menang...

<https://m.facebook.com/sultanmelakaofficial/photos/a.710728498958490.1073741828.710176555680351/1198410316856970/?type=3&fs=5>

Sape Nak keluar, Ape nk Penting..
SApe dlm sluar, ape nk kencing.....

#janganbanyakgelak



16. [Log in to Reply endro](#) Jun 19, 2016 10:19 PM

Kepada Tun Mahathir,

Saya hanya nak kongsi pendapat bukan nak berpolitik.

*Rakyat malaysia berbilang bangsa, umur tertentu boleh mengundi untuk memilih pemimpin.

= Ahli-ahli politik pandai putar belit bila bercakap, rakyat bukan ahli politik, mereka tidak tahu siapa benar hanya mereka tahu kesejateraan dan ekonomi selesa.

1. OK..masa ini perlu di ingat..Najib dan Parti BN adalah satu perbezaan. nak suruh najib letak jawatan mesti ada sebab dan bukti kukuh untuk dia di singkirkan. Bila dah terbukti, hendaklah di hadapkan ke mahkamah..adalah menjadi tugas mahkamah jatuhkan hukuman jika didapati bersalah..ini adalah SUMPAH DAN KEDAULATAN NEGARA, MANA-MANA PIHAK BERKUASA CUBA MENYEMBUNYIKAN KEJAHATAN, TELAH MELANGGAR SUMPAH NEGARA.

2. AHLI-AHLI POLITIK TIDAK BERHAK MASUK CAMPUR DALAM ISU UNDANG2 DAN KES, JIKA DIDAPATI MAKA MEREKA PUN BERSUBAHAT.

3. Dari pimpinan terdahulu, calon BN, WAKIL RAKYAT telah banyak berjasa pada negara, masakan hendak undi parti lain yg selalu berbalah. Rakyat hanya nak ketenteraman, ekonomi bagus, suasana selamat.

4. ahli politik seperti ahmad zaid dah membuktikan tugas-tugas beliau dalam keselamatan negara, sabotaj imigresen ditangkap.pegawai yg tak menjalankan tugas dengan jujur dibuang kerja.

5. Isu 1MDB, NAJIB dan MAHATHIR, berapa banyak sokongan najib dan berapa banyak sokongan mahathir. isu KEBENARAN DAN KEPALSUAN, FITNAH DALAM NEGARA.

6. Undi anak-anak muda yang akan menggantikan generasi org tua politik nanti. oleh itu, Sokongan anak-anak muda mengundi amat penting pada masa hadapan. siapa nak pilih pemimpin seterusnya. DAN GOLONGAN AHLI PERNIAGAAN YG BOLEH MENARIK PELABURAN DAN MENYEBABKAN SUSUT NILAI RINGGIT.

7. Apa pun usaha akan dibuat pada hari ini akan memberi kesan pada rakyat dan negara malaysia di kemudian hari. berani buat, berani terima kesan pada NEGARA MALAYSIA 2020.

17.  [Log in to Reply musato](#) Jun 19,2016 5:42 PM

Assalamualaikum Tun.

Saya ada dengar kata kata Najib. Nak lawan orang tua umur 91 habis habisan.

Deklarasi Rakyat tak gagal.

Parti baru tak perlu.

Ini cuma PRK je. Lebih kepada sentimen setempat. Menjaga kehidupan sendiri.

Rakyat tahu jika BN kalah pun, BN tetap jadi kerajaan. Kalau BN menang, Najib akan cakap berdegar degar. Dapat juga habuan nak merasa. Maka BN menanglah.

Pasukan Najib mungkin tidak takut dengan keputusan PRK ini. Tapi bagi sesiapa yang berpengalaman luas, ini adalah keputusan yang menakutkan jika dinisbahkan kepada PRU 14 nanti.

Terdapat musuh dalam selimut. Tun juga patut berhati hati.

Seperti yang saya katakan kita tak memerlukan pembangkang untuk Deklarasi Rakyat.

Majoriti bukanlah perkara utama dalam Islam. Islam tak mengikut majoriti. Benar tetap benar. Salah tetap salah.

Terima kasih Tun.

18.  [Log in to Reply Hajar](#) Jun 19,2016 5:39 PM

Salam YAB dan Yang Amat DiKasihi Tun,

1. Tahniah BN ('Barisan Najib') kerana memenangi PRK Kuala Kangsar dan PRK Sungai Besar dengan penuh bergaya. Wow! Hebat sungguh dengan majoriti yang amat besar!

2. Memandangkan BN/UMNO dalam keadaan yang amat selesa (khabarnya undi kaum Cina sudah kembali kepada BN; Tun sila ambil maklum), apa kata 2 perkara berikut dilakukan:

(i) Percepatkan PRU-14. Kali ini mesti UNDI POPULAR BN akan mencanak-canak naik (mengalahkan rekod Tun M). Ini peluang keemasan untuk benamkan terus "**Desakan Tun** untuk gulingkan Najib".

(ii) SILA ADAKAN Pemilihan Parti dalam PAU pada akhir tahun ini (batalkan penangguhan). DSN dalam keadaan yang amat kuat dan memang 'guarantee' beliau akan menang bergaya tanpa perlu lagi menabur 'dedak' kepada Ketua-Ketua Bahagian UMNO.

3. Ayuh PM Najib @ Ah Jib Gor. Apa tunggu lagi! Adakan segera pemilihan parti pada akhir tahun ini untuk membuktikan yang anda memang Presiden UMNO yang benar2 mendapat sokongan padu ahli2 UMNO.

4. Untuk tambah meyakinkan, sila PINDA CARA PENGUNDIAN Presiden UMNO. Biar kesemua lebih dari 3 juta ahli UMNO memilih siapa yang layak menjadi Presiden UMNO.

5. Beranikah anda wahai DSN untuk memberi hak kepada kesemua ahli2 UMNO untuk memilih kesemua pemimpin2 Tertinggi UMNO (Presiden, T. Presiden, Naib2 Presiden, Ketua Wanita, Ketua Pemuda, Ketua Puteri, etc.)? Sila sambut cabaran ini. Jangan cuma tahu mendabik dada berbangga bahwa kononnya anda dipilih oleh ahli2 UMNO sebagai Presiden UMNO.

P/S:

– Saudara 'Faridina', janganlah kecewa sangat. Ini satu ujian Allah S.W.T. DSN & gang diuji dengan kemenangan, manakala Tun (dan kita semua yang sokong Tun) diuji dengan kekalahan. Sebenarnya ujian kemenangan lebih hebat dari ujian kekalahan.

– Si 'Jafri' sudah hilang-lenyap, diganti pula dengan si 'Karl' (tukar strategi). Alahai.. sama spesies rupanya, sebab dalam satu komen, si 'Karl' bukan main simpati terhadap si 'Jafri' yang kena balun oleh pengkomen2 Pro-TUN. Konon, nasihat orang supaya jangan berkasar, tapi diri sendiri...'ya ampun, Astaghfirullah...'...ini lagi satu spesies yang 'cakap tidak serupa bikin'.

Terima kasih Tun.

*** Semoga Allah S.W.T. sentiasa melindungi Tun sekeluarga ***

19.  [Log in to Reply](#) **The Hidden Secret** [Jun 19, 2016 5:04 PM](#)

Salam!

Dalam PRK Kuala kangsar dan sungai besar, kalau lawan satu dengan satu pun BN tetap menang dengan majority yang lebih tinggi daripada majority yang diperolehi semasa PRU yang lepas.

Maknanya, kalau pembangkang bersatu pun belum tentu boleh kalahkan BN. Kalau pembangkang tak bersatu memang kompom la tak boleh kalahkan BN.

Samada Melayu bersatu atau berpecah, BN tetap memiliki advantage untuk menang.

Kena pikir approach lain untuk kalahkan BN.



20. [Log in to Reply](#) **HouseWife** Jun 19, 2016 4:30 PM

Assalamualaikum Tun,

Tun janganlah rasa bimbang dan bersedih hati dengan kata2 sinis mereka, mentang2lah keputusan berpihak kepada mereka. Biarkan mereka raikan dan nikmati keseronokan yang singkat ini. Pada saya dua pilihanraya kecil ini hanya KECIL, tak boleh jadi kayu pengukur. Tunggu saja PRU yang BESAR yang akan menjelma tak lama lagi, baru boleh cakap samada besar ka kecil.

Tun, bukankah sekarang ni PAS parti 'Umno friendly'. Kenapa dia nak lawan dengan Umno? Rasanya PAS sendiri tahu akan akibatnya, undi pecah tiga. Jika dicampur undi Pas dan Amanah perbezaan taklah begitu besar. Di prk KK Umno/Bn dapat 12,653 undi dan Pas+Amanah dapat 10,567 undi, beza 2,086 undi sahaja. Di prk SB Umno/Bn dapat 16,800 undi, PAS+Amanah dapat 14,511 undi, beza 2,289 undi sahaja. Bolehkah saya buat andaian seperti ini Tun? Dengan perolehan jumlah majority kecil ini, Umno/Bn tak boleh terlalu awal bersikap angkuh and confident sangat. Lagi pun ramai tak pulang atau tidak keluar mengundi. Tun, hampir 30% tidak menjalankan kewajipan ini. Mengapa? Kemana mereka pergi?

Sudah selesai prk sekarang masanya mereka menunaikan segala janji2 manis dengan berlaku adil kepada semua penduduk di kawasan2 terbabit. Mereka yang tidak menyebelahi Umno/Bn pun mesti dapat pembelaan yang sama dan serupa, jangan ada pilih kasih. Bolehkah begitu Tun? Kita akan lihat mulai sekarang samada kehidupan penduduk2 di KK dan SB akan lebih senang tenang dan lenang. Jika tak berhati2 dengan segala tindakan dan percakapan mereka, tunggulah yang berasa tertindas akan terjemahnya di peti undi yang BESAR akan datang.

Tun, ada ke mereka anggap kemenangan kecil ini sebagai penolakan seluruh rakyat terhadap politik Tun, Deklarasi Rakyat Tun. Mereka silap. Tun bukan lagi ahli politik tetapi seorang Pembela Kesejahteraan Negara. Apa yang dicurah oleh Tun? Wang\$Wang\$Wang? Oh...TIDAK! Hanya keringat dan tulang empat kerat! Semua jerit perih Tun semata-mata untuk membawa dan memberi kesedaran kepada rakyat bahawa taburan 'pemberian' dan 'habuan' (Cash is King) yang diberi dan dijanjikan hanyalah sementara. Mereka harus sedar bahawa banyak ketirisan dalam tabung kewangan negara telah dilakukan oleh pentadbiran sekarang yang diterajui oleh DSN. Jika tidak ditegah dan dicegah sekarang negara akan hadapi suasana ekonomi yang malap...mungkin mufliis! Sapa yang susah nanti? Rakyat la! Rakyat yang akan menanggung hutang piutang negara disebabkan oleh ketidakbijaksanaan pemimpin mengurus kewangan negara.

Diharap rakyat diberi kesedaran segera dan diberi perlindungan Allah SWT daripada manusia yang rakus.

Tun patut rasa lega hati kerana Tun tak berpeluk tubuh walaupun Tun boleh berbuat demikian. Tapi Tun tetap juga berusaha sedaya upaya dengan menggunakan segala ruang dan peluang mengikut undang2 negara sediada untuk menyelamatkan negara. Selamat negara selamatlah rakyat. Sekarang bukan masa untuk keluh kesah dan juga bukan untuk berdendam. Sekarang adalah masa untuk


mencorak langkah yang bijak, positif dan berkeyakinan meneruskan perjuangan demi rakyat, bangsa, negara dan agama.

Tun, I don't know when you said this but I quote:"He said I am Idi Amin of Malaysia. Well the Idi Amin of Malaysia is more popular".

Well Tun, to me it sounds like he's admitting HE IS Idi Amin but from Malaysia and he seeks only for popularity. This is the 'wise' talk of the PM of Malaysia? Why can't he refute with something more intelligent. Doesn't he know that Tun is testing him in every ways. Tun is always challenging him to see how wise his responses are, to see if he's fit to be the PM. How he approaches Tun's criticisms will open up his true self. So far all DSN does is talk back behind Tun's back but of course surrounded by his 'kipas' and followers, baru semangat berani datang agaknya, not brave to face Tun alone.

Tun kalau penat rehat dulu. Badan sihat minda pun sihat. Jangan gusar sangat. Always stay positive and focus. We will always support and never give up on you Tun. Insyallah, niat yang baik akan dapat hasil yang baik. Mudah-mudahan dimakbulkan Allah.

May Allah Bless you Tun. May Allah Protect you Always Tun. May Allah grant you great wealth in health, happiness and knowledge. Take extra care and Thank you Tun.

21.  [Log in to Reply](#) **endro** [Jun 19,2016 2:29 PM](#)

I wondering if tun dr mahathir read this. Saya sekadar beri pendapat bukan nak berpolitik.

1. bagi PRK BN akhirnya menang. Ini berdasarkan track of record.
2. PAS awal-awal dah letak calon tak kira yng lain setuju atau tidak. mcm yakin akan menang tapi hakikat nya PAS kalah.
- 3.najib ada menyebut org seperti brumur "91 tahun" di TV3, saya dah tahu PM akan sebut. najib kata akan lawan habis-habisan org ni.(hal politik, saya tak campur lagi)
4. kalau lihat dari segi parti, rekod terdahulu, bukti memang BN ada rekod baik. tak seperti pembangkang, banyak isu isu masalah timbul dan tak bersatu, kalau pilih parti pembangkang memang risiko masalah timbul sangat tinggi,wajar lah rakyat pilih BN dan tak pening kepala nak pilih siapa. salah pembangkang sendiri.
- 5.cuba lihat pada PRU dulu, pengundi cina bersatu tak pilih BN, jarak undi melebihi 40 ribu undi banding dgn BN cuma ada 8 ribu (anggaran tpi beza sgt besar). memang dahsyat perbezaan nya,
6. MESTI ada bukti rekod yg orang ini atau parti boleh berjaya, BUKTI, BUKTI bukan cakap dan janji kosong.
7. akhir-akhir ini, mana perginya tan sri muhyiddin yassin?

sekian terima kasih.

22.  [Log in to Reply](#) **rimba.emas** [Jun 19,2016 1:55 PM](#)

Salam Tun.

1. KEBENARAN sebenar hanya terungkap pada hari manusia di hisap (bicarakan) selepas dunia ini berlakunya kiamat.
2. Jadi menilai sesuatu kebenaran hasil pendapat orang ramai malah bukan melalui bicara pula (mahkamah dunia) tidak boleh di anggap sesuatu yang menghalalkan perbuatan seseorang itu.
3. Lebih-lebih lagi menyamakan pendapat kita dengan Allah s.w.t menyetujui segala perbuatan kita dengan kemenangan atau persetujuan manusia mengikut cara hukum dunia .
4. Di dunia hanya sementara yang sebenar adalah selepas hari akhirat.
5. Tidak boleh kita mengungkap kemenangan ini sebagai satu persetujuan oleh Allah s.w.t menghalal perbuatan kita dan tuduhan fitnah manusia lain tanpa bicara atas bukti yang ada.
6. Kalau kita hanya memenuhi kehendak Allah s.w.t hanya pada nama tanpa menuruti keseluruhannya maka semua ini hanya sementara atau tidak lebih permulaan untuk menuju arah kejayaan atau kegagalan.
7. Hanya Allah s.w.t maha mengetahui dan tempat berlindung.

Wallahua'lam.

23.  [Log in to Reply m padil](#) Jun 19,2016 1:14 PM

Assaamualaikum Tun,

Pada pandangan saya, selagi terdapat pertandingan 3 penjuru, maka selagi itulah payah nak menang. Hanya dengan menyatukan semua kekuatan, mengeneipkan semua perselisihan barulah boleh mencabar lautan yang dalamnya bukan sejengkal..

24.  [Log in to Reply youngmaya](#) Jun 19,2016 11:17 AM

salam

tun bila lagi nak buka parti deklarasi rakyat...PDR...

dok harap kat calon bebas ja jenuh jugak...

25.  [Log in to Reply Karl @ www.karl-iskandar.ml](#) Jun 19,2016 11:00 AM

Aslm.

Tun kata, #25 "...saya bertindak sebagai rakyat Malaysia untuk menyedarkan Najib bahawa rakyat tidak terimanya lagi."

Keputusan PRK, secara tuntas menaikkan isyarat bahawa rakyat menolak '**DESAKAN TUN**' untuk gulingkan Najib.

Mesej-mesej yg Tun cuba sampaikan tidak diterima oleh majoriti pengundi Melayu, lebih-lebih lagi di bulan Ramadan ini, bila ada unsur kebencian yg melampau dan bernada fitnah. Ditokok-tambah pula komen biadap dari Nizar dan Rafizi yg memberi impak negatif terhadap pasukan Tun-PAN.

Manakala pengundi Cina di Sekinchan pula menghantar mesej kpd Kit Siang bahawa mereka menolak kerjasama DAP dgn Tun yg juga penaung PERKASA.

Banyak lagi kelemahan pasukan Tun yg ingin sy bicarakan, yg akan sy sambung di lain entri jika diizinkan.

Sementara itu, sy harap Tun bersabar dan redha terima kekalahan ini serta muhasabah diri dgn benar. Tun janganlah terlalu percaya dgn pujian kosong dan dangkal dari pembodek.

Terima kasih Tun.

<http://www.karl-iskandar.ml>



26. [Log in to Reply](#) **daeng** Jun 19, 2016 6:50 AM

Assalamualaikum Tun.

Analisis saya silap. PRK memihak kepada BN, Barua Naji\$ kali ini kerana:

1. FAKTOR UTAMA pembangkang tidak sepakat, sepatutnya 1 lawan 1, maka undi pembangkang berpecah 2. Pengundi pembangkang pecah 2 iaitu bukan Melayu kebanyakannya mengundi PAN manakala yang cenderung kepada agama "kononnya" memihak PAS.
2. PRK bukan PRU, tumpuan jentera BN tertumpu kepada kawasan kecil. Selalunya PRK kelebihan kepada pemerintah kerana mereka akan "memberi" janji atau pelbagai "hadiah" segera kepada rakyat setempat.
3. Pengundi yang tinggal di luar tidak balik membuang undi. Majoriti pengundi yang bekerja di bandar besar khususnya lebih memahami isu 1mdb, isu ekonomi negara yang lemah berbanding negara jiran, isu kesan GST, isu hutang negara yang meningkat kesannya pada negara akan datang dan banyak lagi.
4. Mungkin ada "penipuan" peti undi? Boleh jadi berlaku, mungkin tidak? Jika kiraan undi berlaku di pos mengundi kemungkinan perkara ini berlaku adalah sifar.

Disebalik analisis saya sebelum ini, saya sudah nampak kemungkinan ini berlaku kerana faktor no 1.

Walaupun begitu pada PRU14 akan datang selagi PAS meletakkan calonnya di kawasan yang ada bukan Melayu 30% dan pertandingan berlaku 3 penjurua maka peluang akan terus memihak kepada BN.

Selepas ini saya percaya BN akan lebih "bongkak".

Naji\$ percaya ini adalah peluang terbaik untuk mengadakan PRU14 secepat mungkin kerana mereka menganggap pembangkang berada dalam kedudukan yang lemah khususnya PAS "memihak" UMNO secara senyap.

Tun, untuk PRU akan datang saya sarankan beberapa tokoh fokus kepada kawasan parlimen utama di Wilayah Persekutuan :

Mukhriz bertanding di Putrajaya;

Shafie Apdal bertanding di Labuan;

TSMY bertanding di Titiwangsa;

Khalid Ibrahim di Bandar Tun Razak;

Zulkifli Nordin di Setiawangsa;

... Batu;


... Cheras;

... Segambut;

Lain-lain seperti Langkawi (ex ketua wanita umno), dsb.


Untuk itu, penubuhan parti baru mungkin wajar untuk melaksanakan impian ini.

Wassalam.

27.  [Log in to Reply zulu](#) Jun 19, 2016 6:45 AM

Najis telling "People reject Dr Mahathir's lies"...let it be, but what about \$1.26 bil in his personal a/c and his wife's royal life with diamond ornaments!!!

Hope he is not dumb enough to believe that a verdict from around 50000 people doesn't mean his looting job was approved.

28.  [Log in to Reply Hajar](#) Jun 19, 2016 6:27 AM

Salam YAB dan Yang Amat DiKasihi Tun,

Izinkan saya Tun,

Entahlah...

Orang memberi kita merasa

Orang berbudi kita berbahasa

Orang bersopan-santun kita berbudi-bahasa

Orang 'tidak faham bahasa' kita 'bahasakan'...

Saudara 'Malaysian1000000',

Anda seorang yang bersopan / berhemah @ berjiwa besar kerana mengaku ('acknowledge') kesilapan anda kerana 'tersalah faham/sangka' tentang penulisan 'sibotak'. Sebenarnya, saya sudah nampak

kesilapan anda, tapi saya tunggu sehingga 'sibotak' menegur anda (tidak mahu masuk campur). Dan terima kasih kerana 'nampak permainan kotor' si 'Jafri' tempoh hari.

Ada orang, bila sudah 'tersalah sangka' atau sudah buat kesilapan atau kesalahan, mengaku kesilapan/kesalahan bukanlah 'budaya' mereka.

Ada yang masih terus buat kesalahan yang sama (berdegil), dan ada cuma senyap saja tanpa meminta maaf. Malangnya orang sebegini (dari pengalaman saya) berasakan yang mereka ini amat bersopan-santun dan beradab. Alahai...

Apa2pun eloklah 'cakap serupa bikin' (walk the talk). Tiada guna kita nasihatkan orang lain jika kita sendiri pun ada guna kata2 yang kurang manis bila 'menegur' orang lain (tidak kiralah kepada siapa teguran ditujukan). Baca balik komen2 sendiri yang lepas2 dan buat penilaian sendiri.

Tapi, yang pasti ada orang bersifat bersopan-santun cuma kepada 'kawan' mereka yang sama fahaman politik atau yang sama seipsis (walaupun wajar ditegur kerana telah melampaui batas).

Memang pelik perangai manusia. Tidak konsisten dalam penilaian mereka terhadap sesuatu perkara yang sama bila berdepan dengan pihak berbeza – ada 'double-standard'.

Sebab itulah kita sekarang berada dalam keadaan yang sukar dan tidak menentu.

DSN & gang (yang hina dan fitnah Tun sewenang-wenangnya) pun ada ramai penyokong yang mengundi mereka di PRK Kuala Kangsar dan Sungai Besar, dan hasilnya mereka menang besar.

Saya tidak faham langsung bagaimana dan mengapa BN (Barisan Najib) boleh menang dengan majoriti yang jauh lebih besar. Adakah kerana 'Cash is King'?

Ini mungkin UJIAN dari Allah S.W.T. kepada kita semua (tidak kira pihak mana). Entahlah...

Harap Tun tabah dan istiqamah dalam perjuangan menurunkan DSN dari kerusi PM.

Almighty says:

"Therefore, stand firm (on the straight path) as you are commanded and those who turn in repentance with you. And do not transgress, for He (Allah) sees well all that you do."

[Surah Hud (11): ayat 112]

Terima kasih Tun.

*** Semoga Allah S.W.T. sentiasa melindungi Tun sekeluarga ***

29.  [Log in to Reply Sri Sense](#) Jun 19, 2016 4:48 AM

Salam Tun

Nampaknya kemenangan tak menyebelah Amanah. Seperti I sebut earlier Amanah parti baru, kena kerja kuat.

Semalam I bual dengan hubby, dia kata nak buat macam mana pembangkang tak unite, so BN menang lagi.

I juga baca star online I nampak strategy BN more of you bukan orang sini, so jangan nak menyibuk. Lihat cara BN candidate tempelak Amanah candidate diSg Besar. Juga lihat Amanah candidate KK yang tak vote disitu. Dan Wanita MCA gunakan taktik mempersoal PAS candidate KK tentang Hudud



dan Wanita.

I ada satu kawan yang kecewa dengan isu Hudud. Dia kasi tau yang dia rasa kaum lain terlalu sibuk tentang Hudud, sedangkan itu soal orang Melayu. Jangan terperanjat dia seorang lelaki Melayu



moden yang punya jawatan tinggi.

I juga ada baca bila church kat Sarawak bagi orang Islam berbuka puasa jadi viral. Orang Sarawak dengan bangga kata they tak rasis, kita disini aje. I teringat zaman I budak2 dulu pun sama. I pun pernah masuk chapel. Tidak ada hal masa tu. Mungkin bila Sarawak dah sama standard macam sini,



baru mereka tau langit tinggi rendah.

30.  [Log in to Reply joetachi](#) Jun 19,2016 3:13 AM

..KemuhKemuhKemah..

Sape undi? Sape pangkah?
Sape PASTi? Sape amaNAH?
Sape sendri? Sape telagah?
Masih tak ngerti! Masih tak ngalah!

#kakahkakah

<http://www.newsfarras.com/2014/10/arti-makna-muhasabah-dalam-islam.html?m=1>

#janganbanyakgelak #bulanpuasa

<http://halagah.net/v10/index.php?topic=11641.0>

31.  [Log in to Reply Fariq Islam](#) Jun 19,2016 1:57 AM

Assalamualaikum, Tun.

Maafkan saja, kerana memberi sepatah dua kata tentang sebabnya undi Melayu masih terikat kepada UMNO.

- a. Pengundi memilih parti. Pertimbangan diberi lebih kepada parti daripada perseorangan. "Tolak Calon Najib" itu amatlah mengelirukan. Kalau menolak Najib, secara langsungnya menolak UMNO. Kenapa pula Mukhriz and Muhyiddin masih berada di UMNO?
- b. Pengundi mahukan agenda yang lebih bernas. Kalau Najib diguling, apakah institusi pentadbiran boleh direformasikan?
- c. Pengalaman menjatuhkan Pak Lah terbukti silap langkah.
- d. PAS dipandang kurang berprinsip dan bukan lagi seperti dulu kala di bawah kepemimpinan Allahyarham Tok Guru.
- e. PAN terlalu muda, dan nampaknya belum ada agenda perjuangan politik yang memberangsangkan.
- f. Faktor surat Anwar dari penjara menyebabkan segelintir penyokongnya rela membuang undi kepada UMNO, kerana kali ini PKR tidak menurunkan calon untuk bertanding.



32. [Log in to Reply Daniel Noor](#) [Jun 19, 2016 12:26 AM](#)

Salam Tun,

To me, yesterday's by-election is not an indicator that Najib is the rakyat's favorite. These 2 areas just lost their Wakil Rakyat through a terrible accident. Thus the 'Kesian and Compassion' factors played a key role beside..

1. It was a 3 way fight. Voters not confident with Amanah being a new party. PAS has no manifesto for the voters except Islam n Hudud. Voters majority are Muslim anyway. So they well versed with Islam
2. Voters were more emotional as the 2 late Wakil Rakyat ended their lives through a major accident. It was all about 'Compassion' rather than for the progress of the nation. What more the candidate is a woman that have to undergo Iddah. And it so happen org Negri Sembilan just like your Kak Ros. Can be a major factor.
3. Voters are simple kmpg people. They do not care about 'offshore accounts..SRC. forex..etc. For them its better to maintain the status quo. They do not need Pavillion..the Curve..Sogo..Hard Rock Cafe etc..etc.

All they want is continuous electricity..water..paved roads. They only need to go to the river or sea to catch their fish. Mutton and chicken only need to go to the kandang/reban. Vegetables are always available at the back of their houses.

They only have to send their children to gvmnts schools. They dont need Garden Intl school.



33. [Log in to Reply faridina](#) [Jun 18, 2016 11:52 PM](#)

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Sekali lagi kita dihidangkan dengan berita sedih pilu kerana mereka menang dengan majoriti yang lebih besar bukan kerana mereka kuat tetapi kerana kita lemah dan tidak bersatu.

Kami di sini bukan strategis politik tetapi cuma rakyat biasa yang dambarkan pembelaan dari seorang Negarawan Ulung yang teramat arif dalam permainan serta percaturan politik.

Bohong jika perasaan kecewa tiada dalam diri kami namun apa yang kami boleh lakukan sekiranya pakatan pembangkang bercakaran dan tidak bersatu.

Nampaknya Ajib Aljolo cukup bertuah dan bernasib baik kali ini dan menang atas ehsan pergeseran pembangkang.

Serta merta terdengar ura2 mengadakan PRU 14 lebih awal tidak perlu tunggu 800 hari lagi bagi menanggung di air yang sedang keruh ini.

Ajib Aljolo patut terima pandangan hebat pemerhati politik supaya kami rakyat bawahan boleh turut sama melaksanakan tanggungjawab memilih kerajaan yang diberi mandat baharu.

Kami pun dah bosan dengan kemelut yang tiada penghujungnya dan kalau majoriti rakyat masih menerima Ajib Aljolo dan partinya maka kami redha dan terima seadanya dan mahu meneruskan kehidupan dan tidak mahu ambil tahu lagi bab politik yang sektor ini.

Lebih baik fokus pada perniagaan dan pengajian anak2 kami sahaja gamaknya lepas itu.

Apa-apa pun Tun M tetap dihati kami!

Wasalam Tun.

34.  [Log in to Reply](#) **Fariq Islam** [Jun 18, 2016 11:26 PM](#)

Assalamualaikum, Tun.

Akhirnya keputusan PRK Sg Besar dan Kuala Kangsar menunjukkan tuduhan terhadap Najib tidak membawa impak terlalu nyata ke atas sokongan terhadap BN.

Di luar jangkaan, undi Cina mengalir kepada BN. Mengikut apa yang disaran, tindakan liar Jamal dianggap kurang serius berbanding dengan tindakan rasis PERKASA yang didalangi Tun. Sekiranya PERKASA berkempen untuk BN, mungkin undi Cina tidak mengalir kepada BN.

Allah yang Maha Kuasa memberi petunjuk hidup – yang jahat ada balasannya.

35.  [Log in to Reply](#) **umranrc** [Jun 18, 2016 4:31 PM](#)

Salam Tun,


Mohon sedikit laluan Tun.

Salam Dr. Housewife,

Your last paragraph is exactly my line of thoughts. There is nothing wrong to be polite and talk wisely, perhaps, this may indeed be a mindset changer.

Thanks and regards.

Terima Kasih Tun.

36.  [Log in to Reply laguhati](#) Jun 18, 2016 4:24 PM

YaBhg Tun ,

Cek dok melenggung gharu kepala yang tak gatai. Pencen keluaq lagi tiga hagri dalam poket hanya tinggai RM 27. Nampak gaya nanti anak anak datang berbuka ada yang tak tentu pasai jadi mangsa keluaqkan donation. Tapi takpa donation ni cek yang minta bukan nya tetiba jatuh dari langit.

Tun,

Lagumana agaknya syoknya ghasa ada berbillion dalam akaun sendiri ya ? Hingga tak terkata bisu seribu bahasa ! Kalu cek kan dah melompat ke bulan bila ada 0.00000001 % dari amaun tu dalam akaun cek. Ni la nasib oghrang marhean cam cek kais pagi makan pagi kais petang nak bayaq yg makan pagi tadi. Ya bab menderita ni rakyat didahulukan. Tapi cek tak putuih asa rezeki Allah di mana mana. Ikut media perdana semuanya baik belaka takda apa yg perlu kita risaukan. Untuk penglipurlara cek jengok tinjau blog Tun blog blog JebatMustDie, Shahbudin dot com, Putera Merdeka, Din Turtle , Anak Sungai Derhaka, Finance Twitter, Shuzeng dan yang lain yang sewaktu denganya. Bacaan berita terkini ceq lawat Malaysiakini, Sarawak Report dan WSJ.

Harap Tun dan keluarga dalam pemeliharaan Allah sentiasa,

NB.

Cek kagum dengan kesabaran Tun melapang hati menyiaqkan komen komen yang pedaih pahit pedih dan adakalanya kurang logik untuk tatapan umun di blog ini. Tidak saperti sesetengah blog yang buang dan punggai keluaq komen komen yang tidak menyebelahi mereka.

37.  [Log in to Reply sibotak](#) Jun 18, 2016 2:20 PM

Malaysia hampir Junam semasa permainan matawang Soros kemarin
Ingat tak.... Oi Sedara !

Alhamdulillah kita Malaysia di selamatkan oleh
Wira kita Tun Mahathir dengan tidak tunduk pada Soros dan tidak meminjam IMF
Meminjam IMF serupa meminjam Ahlong
Niaga belum tentu untung , Untung bunga Ahlong pasti kena Bayar
Wira kita Tun Mahathir Bijak dengan tidak mengeluarkan ringgit keluar
dan mengawal pengaliran wang ringgit kita
Syabas Tun and Big Thank you

Bagaimana pula Najib jika di duga ?

Adakah beliau bolih menyelamatkan Malaysia dari Terjunam dek penipuan Yahudi
ATAU

Membuat pinjaman dan Malaysia tergadai kelak ?

Ini antara kenapa kami membodek Tun Mahathir
Bukan kerana kami dapat habuan
Tapi Jasa Bijak Tun Mahathir nyata lagi ikhlas

Jauh Beza .. Upama Langgit dan Bumi

Ini kenyataan bukan perasaan



38. [Log in to Reply sibotak](#) Jun 18, 2016 10:55 AM

When Najib admit he signed cheque Blindly with millions
Not knowing what he signed for
It is of No Excuse
It is Irresponsible and Blunt
It reflects his Character

Just this He should be terminate
How many cheque has he signed so not knowing what it is for ?
What is the total amount ?
Where does this money goes ?
Is there accountability and a standard accounting procedure ?

So Is he is also ruling UMNO & Malaysia Blindly ?
We have seen the results today

These proves and send a strong stern action
He is not fit to be a PM nor not even a Finance Minister

These is where it goes wrong and need to amend immediately

Govt decision must be transparent
It must be Brainstorm to reach a final best decision
Wrong decision must be amended immediately irrespective of the Clause
It is for the best of Malaysia

It reflects a Communists System more than a Democratic System

It was never against Najib
It is what is Wrong to be put Right
If it is Tun Mahathir also
It has to be put Right
Its a matter
What is Wrong not Who is Wrong regardless of how influence that person is
Be it the Sultan



39. [Log in to Reply Sri Sense](#) Jun 18, 2016 6:39 AM

Tun

I ada baca somewhere Datin Mastura calon BN kat KK dalam iddah



Ada juga I baca dia

dapat bertanding sebab campur tangan Rosmah. Sama2 orang Negori.



I hope calon Amanah Dr Ahmad Termizi Ramli menang.



40.  [Log in to Reply Sri Sense](#) Jun 18, 2016 4:53 AM

Salam Tun

Baru baca komen yang terkini. Tersenyum baca tulisan faridina.

Masa I kecil2 dulu buku 555 ini famous. Buku hutang. Makan kat kedai hutang masuk dalam buku 555. Sekarang rasanya dah tak ada. Zaman sekarang nak hutang pakai credit card. Lepas tu bank jadi



pandai ATM card jadi debit card.

Walau apa pun banyak kenangan manis buku 555, bila makan kat kedai masuk buku 555. Bayar ke tak? Well setau I ramai yang tak bayar. Lepas tu nak hutang panggil cheti, sekarang dah ada ah



long.

Tabiat orang berhutang ini macam2. Ada yang suka buat hutang sebab nak bergaya – Keeping up with the Joneses. Yang jelas orang berhutang ini belanja lebih dari gaji, duit masuk tak setimpal dengan duit keluar. So the hutang became setimbun. Dengan interest lagi, jadi



menggunung.

41.  [Log in to Reply HouseWife](#) Jun 18, 2016 3:36 AM

Assalamualaikum Tun,

Tun, apa hal ni DSN & Co buat lawak ka...dengan comedy show pun rasa gerun? Depa pun cancel show tu? Passport Tun pun jadi mangsa nak revoke? Dengan seorang LELAKI TUA BERUMUR 91 TAHUN BERNAMA TUN DR MAHATHIR MOHAMAD pun mereka rasa gerun lagi? Mereka sebenarnya gerun dengan your precious mouth, Tun...words that come out of your mulut, they are like swords and blades to their ears! So maknanya Tun kenalah puji DSN perabeh sakan baru diberi layanan istimewa gitu ka...la ni Tun seorang NEGARAWAN TERULUNG dilayan bagai penjenayah oleh kerajaan DSN! Apalah hendak ditakuti dengan Tun. Tun dah tak larat nak lawan tapi itulah mereka gerun dengan apa yang keluar dari mulut Tun, takut nak dengar kebenaran. So now mereka nak kawal Tun. Tun tak buat jenayah2 besar jadi mereka tak boleh sekat kebebasan Tun. Negara ini bukan hak Umno/BN. Negara ini hak Rakyat Malaysia. Kerajaan hanya diberi amanah oleh rakyat untuk mentadbir hanya untuk 5 tahun sehingga next PRU akan datang dan akan datang.....

Tun was once a politician, a very wise and unique one. I think those despise Tun would agree with this. Tun knows all the trades of being a good politician and a bad one too. As I see it, eventhough Tun has political enemies he doesn't hate them but respect them, because Tun knows that's how politics play. Of course, any president of a party wouldn't praise sky high his 'enemies' in front of his millions members, would he. As a poltician Tun played his part very well and wisely. Tun as was the PM respected them, they too are rakyat who deserved equal attention. So which was why they gave Tun the added votes needed to secure 2/3 majority. And as a result we can see now how Tun and his foes can stand together on the same platform for a common purpose, to Save Malaysia. I mean who could do this if he's not a man of great charisma and respected by friends and foes. Anyway whatever party you're in you're all the same...politicians...the difference is either you're good or bad. The fact is everyone needed each other to score that precious majority.

Tun, why do you think DSN could not get his 2/3 majority?

Ya, the Malays hold political power and the Chinese hold economic power. Antara kedua2 ini sapa perasan lebih berkuasa? Kuasa politik atau kuasa ekonomi? Andai kata satu kaum pegang kedua2 kuasa ini apa akan jadi? Tak dapat dibayangkan? Adakah akan berlaku lebih adil saksama? Atau adakah akan berlaku lebih tinas-menindas? Sejarah menjadi guru dan pengajaran kepada kita. Tetapi ada yang mudah lupa dan tak endah dengan sejarah.

Tun, pada saya Malaysia dianugerah keunikan kongsi kuasa bersama semua kaum. Tidakkah ini cantik diatur oleh Allah SWT. Saling bantu-membantu dan berkongsi-kongsi, tiada lebih tiada kurang...adil saksama. Sepatutnya begitulah. Tetapi nampaknya hari ini kuasa politik diagung-agungkan, dilebih-lebihkan sehingga berlaku ketidakadilan, cemuhan dan cemburui antara satu sama lain. Masing2 nak tunjuk dia lebih berkuasa, samada kuasa politik atau kuasa ekonomi.

Maka untuk menjernihkan suasana berbalik kepada siapa yang memimpin negara, kejujurannya, ketokohnya, kebijaksanaannya, keadilannya, kecintaannya kepada semua rakyat jelata, tiada perasaan menyampah, benci-membenci dan pilih kasih. Jika Kepalanya baik maka baiklah juga Badannya. Jika Kepalanya tidak baik maka tidak baiklah Badannya.

Tun, adakah Kepala negara baik? Sebab sebahagian daripada Badannya nampak tidak baik. Mereka mula bermain2 dengan isu perkauman untuk mengalih pandangan rakyat daripada isu2 sebenar negara yang amat berat, penyelewengan, penipuan, penyalahgunaan kuasa oleh Kepala yang disabit keatas semua kesalahan2 terbabit. Kenapa Badannya masih nak pegang dan simpan Kepala yang tak

baik? Apa faedah mereka dapat dengan memelihara dan menyimpan Kepala ini? Apakah yang lain diluar Badannya mesti turut bersama protect Kepala ini? Terpaksa jika mahu dapat faedah juga? So berlumba2 pasang strategi untuk dapat faedah untuk diri masing2, bukan untuk kongsi bersama. Jika Kepala telah terlajak dan menyimpang jauh maka Badannya pun turut gelumang dengan selut hitam Kepala. Oleh kerana yang lain2 diluar Badannya tak tahan melekit bersama di Badannya maka terpaksa berpisah mereka. Sapa rugi? Sapa untung? Kepala? Badannya? Atau yang lain2 diluar Badannya? Rasanya yang lain2 diluar Badannya tak rugi apa tak untung apa...dapat juga rasa nikmat pemberian Kepala dan Badannya, terpulang nak terima atau tidak. Andai kata Kepala hampir nak jatuh, apakan terjadi? Adakah Badannya nak support hingga ketitisan akhir? Atau cabut lari cari perlindungan untuk menyelamatkan diri? Mana satu langkah yang bijak diambil? Silap langkah tak dapat berundur kembali.

So sangat diharap bijakpandai politik dan ekonomi dalam dan luar kerajaan sekarang, lebih matang dalam segala percakapan, tindakan dan tingkah laku mereka. Tunjukkan juga tauladan yang baik kerana mereka pegang kedua2 kuasa yang paling kuat. Rakyat jelata hanya dapat menurut perintah, tiada kuasa, kena tunggu PRK dan PRU baru ada kuasa dalam tangan.

Tun, apa pun terjadi semuanya dah tertulis. Tun jangan putus asa, kebenaran mesti sentiasa disebar kepada seluruh cerok kota dan desa tak henti-henti. Jika Tun tak larat jalan Tun tulislah jernel atau buku2 untuk jadi khazanah negara. Your wisdom should be shared by all. Hopefully in future Malaysia will get what she deserves, a very very good, fair just, honest, wise leader who will not misused his powers to ban any of your books of great knowledge, and will not repeat the same injustices and harm to the rakyat and country. The rakyat and country have suffered enough. We need a CHANGE now! So please support Deklarasi Rakyat, Save Malaysia!

May Allah Bless you Tun. May Allah Protect you Always Tun, May Allah grant you great wealth in health, happiness and knowledge. Please take extra care in your safety and Thank you Tun.

Excuse me Tun, I would like to say something if I may. I think it's ok to answer anyone's comment in a way that is more to oneself, like being polite and in a friendly, relaxing 'tone' even if he/she does not agree with that person's argument or comment. It depends on how he/she wants to approach the 'opponent'. Everyone has their own ways and styles, and politeness is very ethical and who knows after every friendly 'matches' and 'exchanges' it may swing the 'opponent' to the right side, InsyAllah. Just my 1 cent thought. Please don't anyone get excited over it. I'm not trying to intrude or anything like that. I'm sorry. Thank you.

42.  [Log in to Reply](#) **zulu** Jun 18,2016 12:21 AM

Seems like Najis's henchmen are more cancerous to Malaysia than Najis himself...

43.  [Log in to Reply](#) **faridina** Jun 17,2016 11:55 PM

Assalamualaikum Ayahanda Tun dan TSSJ,

Buat julung2 kalinya coretan ini ditujukan serentak buat Negarawan Ulung dan Negarawan kerdil melalui blog chedet dan sanusijunid.blogspot.com sempena PRK SB dan KK esok.

Banyak fakta menarik telah ditulis oleh kedua insan hebat ini dengan TSSJ berfungsi sebagai sidekick kepada Tun.

Kita memerlukan TSSJ dalam penceritaan mengenai Tun sementelah banyak perkara dibelakang takbir yang perlu didedahkan kepada umum dan sifat serta peribadi Tun tidak akan mendedahkan sendiri ibarat tidak suka masuk bakul angkat sendiri.

Lantas di sini peranan TSSJ yang berada lama bersama Tun untuk mendedahkan kepada umum memandangkan TSSJ dikurniakan ingatan yang sangat baik (menurut pemerhatian kami TSSJ ni seakan ada photo memory).

Kami mengalu-alukan hasrat TSSJ membukukan mengenai penglibatannya bersama Tun dalam ketelusan pentadbiran kerajaan satu ketika dahulu.

Menurut TSSJ amalan menulis telah menjadi makanan Tun sejak beliau pelajar lagi dan berterusan sehingga bergelar Perdana Menteri dan mantan PM.

Kalau nak harapkan Ajib Aljolo paling banyak dia tulis buku 555 dan buku cek AmBank. Ini boleh kira ibarat pencapaian peribadi didahulukan dan rakyat dilembukan.

Lawatilah juga blog TSSJ dan saksikan ucapannya melalui youtube pengalaman bersama Tun dalam satu program baru-baru ini. Sangat baik penceritaannya.

Buat pakcik makcik abang adik di SB dan KK sokonglah Tun M dengan menolak parti Najib dan pangkalah mana2 parti asalkan bukan parti BN!

Selamat mengundi dan tolong selamatkan kami dari rejim kuku ros Ajib Aljolo.

Wasalam Tun dan TSSJ.

44.  [Log in to Reply daengJun 17,2016 11:25 PM](#)

Assalamualaikum Tun.

Tambahan naji\$ razak ini memang kaki kelentong.

Katanya ekonomi Malaysia kononnya semakin baik dan berada di landasan yang kukuh.

Kenyataannya gambaran ekonomi sesebuah negara terletak kepada nilai matawangnya. Jika 2003 semasa tahun terakhir Tun mentadbir negara sebagai PM, matawang kita berbanding Indonesia, Thailand, Singapura dan Vietnam adalah jauh lebih kukuh tetapi 2016 matawang kita nilainya jatuh sekitar 20 hingga 25% berbanding negara yang sama.

Realitinya dengan perbandingan matawang menunjukkan pengurusan ekonomi Malaysia di bawah pentadbiran Tun 25% lebih baik dari era Najib\$.

Dalam erti kata lain nilai matawang kita merosot sekitar 25% berbanding negara jiran kita.

Apa yang naji\$ syok sendiri Tun? Kelentong rakyat, kelentong ahli-ahli umno tetapi dia lupa segala perbuatnya akan dihisab Allah swt kemudian hari kelak.

Wassalam Tun.



45. [Log in to Reply](#) **sudin** Jun 17, 2016 11:20 PM

Assalam Tun.

pakpandir pakpandir....

Apa sebenarnya yang kamu terlalu frust dengan Dr M, berterusan dan berseorangan pula!

Dah hampir 800 artikel Dr M pos di chedet, dan si pakpandir masih terus meneropong mencari dan mereka-reka kesalahan yang konon2 Tun Dr M telah lakukan.

Patutlah kamu guna nama samaran pakpandir, yang memang diketahui oleh semua sebagai bongok dan dungu.



46. [Log in to Reply](#) **pakpandir08** Jun 17, 2016 11:05 PM

Kepada saudara Hajar aka pembodek,

Memang pun cerita jalan raya itu layak untuk kanak-kanak sahaja. Malangnya kamu masih tidak faham isi kandungannya berbanding dengan kanak-kanak. Tidak boleh salahkan kamu kerana selama ini kamu memang pun mempunyai masalah pemahaman yang wajar ... hehe ...

Sejak hari pertama, tidak pernah saya menyalahkan Tun seperti yang dikatakan kamu (kamu boleh paparkan disini sekiranya kamu terjumpa). Pendirian saya sentiasa sama, tidak bersetuju / menentang / mempersoalkan pendirian Tun yang menyalahkan orang lain pada masa kebanyakan kecaman yang dibuat adalah berasal/berpunca/dimulakan oleh Tun sendiri

Jawapan untuk persoalan kamu senang saja. Saya menuduh kamu membodek disebabkan kamu juga menuduh orang lain makan dedak. Menteri yang kamu kecam semua itu juga memberi alasan yang sama seperti kamu bahawa mereka mempertahankan seseorang kerana pada mata mereka, pemimpin itu sebagai wira, bapa dan penjuang negara. Apa bezanya dengan cara kamu menuduh orang lain? hehe

Apa yang saya tampilkan begitu mudah sahaja difahami, sekiranya kamu seorang insan yang sentiasa peka dengan orang di sisi kamu, dan bukannya hanya hidup didunia kamu sendiri

Kenapa saya bertentangan dengan beberapa perkara di blog ini seperti yang dikatakan?

(1) Apakah perasaan Raja-raja apabila melihat kecaman Tun keatas pemimpin sekarang berhubungan pindaan 1994 tersebut? Bukankah pindaan itu sebenarnya dibuat oleh Tun? Apabila kamu memberi kunci kepada seseorang, tiada salahnya orang lain membuka pintu dengan kunci tersebut walaupun kamu tidak pernah menggunakan kunci tersebut. Kerana ia tidak melanggar peraturan dengan

menggunakannya memandangkan ia sah dari segi undang-undang

(2) Apakah perasaan bekas tahanan ISA, ahli keluarga dan orang yang bertentangan pendapat pada zaman pentadbiran Tun, apabila mereka melihat Tun mengecam penahanan orang yang menentang kerajaan dan katakan ia tidak demokrasi? Bukankah perkara yang sama dibuat oleh Tun semasa pentadbirannya?

(3) Apakah perasaan orang yang dikecam oleh Tun bahawa mereka makan dedak / tidak boleh berfikir kerana mereka mempersoalkan pendirian Tun yang berganding dengan Lim Kit Siang? Bukankah mereka berfikir demikian disebabkan Tun sendiri yang mengatakannya sepanjang 22 tahun yang lalu dan menyebabkan persepsi tersebut tertanam di minda mereka?

Tahukah anda bahawa kadang-kala, sesuatu kenyataan atau kecaman memberi kesan yang berlainan apabila ia disampaikan orang yang berlainan walaupun ia adalah sama?

Pernahkah kamu terfikir, walaupun kamu seorang pembodek dan orang kerdil berbanding dengan Tun, namun sekiranya sesetengah kecaman itu disampaikan oleh kamu, ia mungkin lebih meyakinkan orang yang neutral berbanding jika ia dikatakan oleh Tun sendiri?

(1) Lebih meyakinkan orang lain sekiranya kamu yang mengecam isu behubungan pindaan 1994 berbanding dengan Tun, kerana pindaan tersebut bukan kamu yang lakukan

(2) Lebih meyakinkan orang lain sekiranya kamu yang mengecam insiden penahanan berbanding dengan Tun, kerana kamu tidak pernah melakukan penahanan masa dahulu

(3) Lebih meyakinkan orang lain sekiranya kamu yang mengecam orang yang tidak boleh berfikir berbanding dengan Tun, kerana bukan kamu yang bertanggungjawab menyemai sesuatu persepsi umum

Tahukah kamu apakah persepsi orang ramai secara umum (A atau B)?

(A) Tindakan Tun adalah kerana kebimbangannya terhadap masa depan rakyat?

(B) Tindakan Tun adalah kerana kegusarannya bahawa kemungkinan BN akan tumpah pada pilihan raya umum masa depan? Apakah kegusaran yang sebenarnya?

47.  [Log in to Reply](#) **musato** Jun 17, 2016 9:46 PM

Assalamualaikum Tun.

Dah lama tak nampak Adi Putra genius matematik. Tadi baru lihat beliau dalam astro mengajar matematik setakat 300×400 je.

Katanya 0×0 bukan 0, tapi jawapannya 00.

Saya pernah jumpa dan bergambar dengan beliau 3 tahun lepas. Bahkan Adi Putra boleh buat air tawar rupanya.

Saya masih ingat suatu hari di mana siaran radio menjemput Adi Putra dan sambil berborak DJ menanyakan soalan matematik yang dianggap susah. Tapi Adi dengan selamba kata tanyalah soalan susah sikit.

Lepas tu beliau diminta menyampaikan sajak. Dan disaat beliau ingin mula, kedengaran nafas ditarik dalam dan tidak semena mena kata kata dihambur keluar bagaikan halir lintar.

Saya yang ketika itu sedang memandu, terbayangkan bagaimana ibarat litar elektrik mengalir dengan pantas bersimpang siur yang menggambarkan betapa geniusnya Adi Putra ini.

Dalam fikiran spontan saya, begitulah rupanya genius. Wow, saya dapat melihat gambar genius.

Apabila tiba di saat luahan bait kata kata 'garisan horizon' air mata saya mula mengalir turun ketika sedang memandu.


Dan di saat ini, Adi terhenti seketika menyampaikan sajak live beliau di stesen radio itu. Kata beliau "ada orang menangis"....ye betul Adi, sayalah yang sedang menangis itu.

Semoga anda dirahmati.

Semoga negara kita ini juga dirahmati Allah swt dan selawat salam atas Nabi junjungan kita Rasulullah saw.

Terima kasih Tun.

p/s saya tulis kerana sebentar tadi wife saya kata apa jadi pada beliau sekarang. Tak kemana mana pun. Saya kata, tak apa pun. Saya pun buat roti je.

48.  [Log in to Reply sibotakJun 17,2016 9:34 PM](#)

Adakah kami pembodek Tun Mahathir ?

Adakah saya si botak pembodek Tun Mahathir ?

Yang kami nak bodek Mahathir ni

Apa yg kita dapat ?

Tun , sudah bersara

Dah tak ada jawatan PM , jawatan Proton ,jawatan UMNO

Mukhlis Mahathir pun sudah mukhlis dari UMNO , dari Menteri Besar Kedah

Takda apa apa yg kami dapat untuk membodek Tun

Kan lebih berhasil kami bodek Najib , untung untung dapatlah serpihan duit 2.6

Dapat 26 ringgit pun jadilah

Tun Mahathir satu sen haram pun kami tak dapat

Ini bukan persoalan Bodek

Ini persoalan perjuangan bagi menyelamatkan Malaysia dari tergadai

la bermula sekarang

Tidak nampak pembangunan Najib semenjak beliau ambil alih

Ringgit juram ke tahap paling hina

Hutang keliling pinggang

Najib dilihat PM yg banyak buang wang negara untuk Keselisahan pribadi

Nak Jet mahal ,nak Office disamping pembodek British

Berdamping pula dengan First Lady ...fuyuh

Jangan samakan US dengan Malaysia

US military might , superb in technology , efficient , influences in many way
Malaysia belum tahap itu lagi
Sama Singapura Najib tunduk macam Bahlul
Hutang keliling pinggan
Pakai Sarung sudah lah ...Jangan asik nak berlagak

49.  [Log in to Reply](#) **musato** Jun 17, 2016 6:25 PM

Assalamualaikum Tun.

Saya juga orang muda.

Pada awal awal pertukaran pendapat saya dengan Tun di chedet, saya sendiri menggunakan perkataan 'perkauman' pada Tun.

Tapi pandangan fikiran saya ditukar dengan penjelasan Tun bahawa kita hanya menjaga hak kita. Hak orang Melayu.

Apa hak orang Melayu? Saya orang muda, saya bukan orang politik. Saya tak tahu.

Saya hanya tahu apabila 'orang tua' (Tun Mahathir) beritahu saya.

Kalau anda tahu, cuba senaraikan hak Orang Melayu?

Hudud/hukum syariah adalah hak orang Islam (melayu). Apakah dengan mempertahankan hudud/hukum syariah apabila kita diselar dengan pelbagai tohmahan sanggup kita kata kita sendiri perkauman?

Saya hidup dikelilingi dengan pelbagai kaum sehari harian. Dan kita tidak bergaduh bertumbuk sekalipun.

Tapi kita bertuah dididik dan dibimbing oleh ilmu pengetahuan bagi membimbing dan menentukan hala tuju negara kita yang tercinta. Yang didiami oleh pelbagai warna kulit dan bangsa.

Tidak salah untuk kita menentukan had sempadan yang sepatutnya.

Lagipun, kalau buah pokok jiran masuk ke dalam kawasan rumah kita, buah itu dah dikira hak kita walau pokoknya asal dari jiran sebelah.

Nah, itulah undang undang Islam. Ada ke orang bukan muslim tidak setuju dengan peraturan tersebut?

Nota :

Hudud pada pendapat saya hanya untuk orang Islam sahaja. Tapi pada pendapat Tun ia adalah tidak adil jika hanya melibatkan orang Islam sahaja.

Di situ terdapat perbezaan pendapat. Walau apa sekalipun, jika terlaksana satu hari nanti, undang undang ini memerlukan penggubalan yang perlu difikirkan dengan amat teliti.

Untuk sekadar perbincangan idea.

Terima kasih Tun.



50. [Log in to Reply Hajar](#) Jun 17, 2016 3:57 PM

Salam YAB dan Yang Amat DiKasihi Tun,

Izinkan saya Tun:

Saudara 'PakPandir08',

Saya ucap tahniah kepada anda sebab ada 'peminat setia' anda di sini yang merasakan bahawa penulisan2 anda 'cerdik'. Pos-pos yang bijak? Alahai...makin bersemangatlah anda nampaknya.

A. Cerita 'bodoh' anda (layak untuk kanak2 saja) tentang 'traffic light' & jalanraya amat melucukan serta SEPARUH MASAK (tidak menyeluruh).

Lucu sebab menurut kefahaman anda yang CETEK, jika sistem jalanraya (traffic light/undang2 jalanraya) telah SEMPURNA (almost 'perfect'), tidak kira siapa pemandu kenderaan, termasuklah 'orang gila / hilang akal/ samseng jalanraya/ etc' tidak akan timbul sebarang MASAALAH / kemalangan kerana sistem jalanraya tidak bermasalah! Hujah bod*h. Ini rumusan dari analisis dangkal anda.

Takkan anda tidak tahu bahawa, dalam apa saja sistem (termasuk demokrasi) yang baik akan jadi buruk jika penggunaanya / penguatkuasanya tidak beretika, tidak mengikut peraturan / undang2, dan lebih buruk lagi MENYALAH-GUNA kuasa (seperti dalam kes DSN).

Dalam contoh anda, mungkin ada penguat-kuasa (Polis) yang korup yang boleh memanipulasi sistem. Orang yang tidak langgar undang2 jalanraya dihukum (sebab tidak mahu beri rasuah; kesalahan boleh direka), manakala orang yang langgar undang2 pula dilepaskan kerana di SOGOK dengan rasuah. PakPandir08 tidak pernah dengar atau lihatkah contoh sebegini?

Atau anda ingat dengan sistem yang 'sempurna' saja, semua masalah boleh selesai? Ataupun anda tidak tahu bahawa ada manusia (dalam sistem) yang tidak AMANAH, tidak BERSIH dan KORUP yang boleh memanipulasi apa saja sistem (termasuk yang 'sempurna') untuk kepentingan diri sendiri? Jika anda tidak faham semua ini, memang sah anda 'PakPandir' (maaf kata, anda bod*h dan jahil).

B. Anda kata Tun yang bersalah kerana pinda undang2. Namun demikian, anda fahamkah apa sebab-musababnya undang2 perlu dipinda? Sila JAWAB (saya yakin anda tidak akan jawab soalan ini seperti soalan2 saya yang lain). Tiada siapa pun yang 'KEBAL' dari segi undang2 (above the law) di negara ini kerana ini kehendak @ DESAKAN RAKYAT pada suatu ketika dulu. Tun bertindak berdasarkan desakan @ kehendak rakyat.

C. Sila JAWAB soalan2 saya yang terdahulu (<http://chedet.cc/?p=2151#comment-133239>) . Secara peribadi, saya cuma beri semangat kepada seorang 'bapa – Tun M' yang saya sayangi tanpa mengharap apa2 'ganjaran' kerana pada saya (I don't care what you think because I don't think you can think properly..penuh dengan prasangka buruk) Tun telah banyak berjasa kepada Negara dan

rakyat Malaysia (tidak terbalas oleh saya secara peribadi). Saya anggap Tun sebagai seorang bapa & Negarawan.

D. Membodek bukan sekadar memuji, boleh juga dengan cara mengeji 'musuh' orang (DSN) yang dibodek & disokong. Tapi biasalah, anda mana mahu mengaku.

Terima kasih Tun.

*** Semoga Allah S.W.T. sentiasa melindungi Tun sekeluarga ***

51.  [Log in to Reply](#) **WandyCaswady** Jun 17, 2016 1:30 PM

Wawasan 2020 adalah punca semua masalah... Tiada apa yg perlu dikejar di dalam dunia ini... Kerana 2020 lah... Ramai yg gilaa... Malaysia juga mampu maju dlm 2030 bukan? Tengok lah rakyat kamu sekarang... Tercapaikah kita akan tujuan 2020 itu? Eratnya jalinan hubungan murni diantara kaum... Ku lihat kita semakin maju dari segi zahir... Tapi kita jauh ketinggalan dlm semangat batin 2020.... Hmmm...

52.  [Log in to Reply](#) **sibotak** Jun 17, 2016 12:31 PM

To adds to my spice
Najib has No Right at all even as the Prime Minister of Malaysia
Not to allow voice to 1MDB
It is his Dirts
It is his responsibility and accountability
He has to made answer

What say if 1MDB made Tonnes of money
Does it belongs to Najib then ?

Sultan responsible please answer to this queries
You are 1 Malaysia as we are
Opposition and also the Govt
Please for Malaysia comes forward
Gives us , Mahathir a Hand
Tun and us have done much
Its time you stand up for Malaysia

Respect have to be earned
To the Govt , Sultan , Opposition and to individual of Malaysia

53.  [Log in to Reply](#) **Karl @ www.karl-iskandar.ml** Jun 17, 2016 12:26 PM

Aslm.

PAS president Abdul Hadi Awang was told to verify whether he had indeed remarked that he would rather "herd UMNO cows than DAP pigs".

Dalam kata-kata lain, Hadi menganggap penyokong UMNO bodoh, manakala penyokong DAP pula gelojoh. Lembu dan babi hanyalah binatang yang menjadi pembayang maksud untuk memudahkan pemahaman ceramah Hadi pada kadar segera.

Begitulah cara orang politik menyampaikan mesej. Bunyinya sangat kasar, tapi jika dianalisa maksud tersirat, kita akan faham apa maksud Hadi, terutama sifat gelojoh babi yang sinonim dengan kekotoran yang memudaratkan jiwa dan pemikiran. Islam sangat keras melarang ummatnya menjamah daging babi.

Ada satu lagi, "dedak" yang dikaitkan dengan penyokong Najib, walaupun mereka tidak dipanggil ayam secara terang-terangan.

Saya fikir memanggil seseorang itu sebagai 'pemakan dedak @ ayam', 'lembu' atau 'babi' – semuanya adalah sama sahaja dari sudut semantik.

Terima kasih Tun.

<http://www.karl-iskandar.ml>

54.  [Log in to Reply Fariq Islam Jun 17, 2016 7:52 AM](#)

Assalamualaikum, Tun.

Saya ingin memberi sedikit sebanyak nasihat kepada anak-anak muda kita.

Baik dalam bulan Ramadan yang mulia ini, kita bertindak dan bercakap dengan nada yang baik. Jangan pula sifatkan kaum lain "babi" atau sebagainya. Kita juga tidak berharap yang lain memakai kata-kata sifat yang kurang ajar ke atas bangsa kita.

Kalaulah hari ini Kit Siang dipandang sebagai rasis, Ismail Sabri, Tajuddin dan Jamal bertindak lebih rasis lagi. Tuduhan rasis kenalah berasas.

Hari ini, polisi-polisi kerajaan telah banyak memihak kepada bangsa Melayu. Harusnya generasi muda berusaha lebih gigih mengecapi kejayaan, bukan sekadar iri hati dan bermusuhan dengan bangsa lain.

Selamat Berpuasa. Isya Allah bumi kita terus diberkati dengan perpaduan dan kemakmuran.

55.  [Log in to Reply daeng Jun 17, 2016 6:57 AM](#)

Assalamualaikum Tun.

Bermulanya isu 1mdb, saya hilang percaya 100% terhadap naji\$ razak.

Bermulanya isu wang "derma" masuk ke akaun peribadi naji\$ razak, saya juga hilang percaya kepadanya.

Langkah kerajaan mengenakan gst 6%, saya semakin melihat naji\$ razak ini seorang yang kurang bijak.

Langkah kerajaan menaikkan tol di lebuh raya lebih 50% khususnya di Lembah Klang dan kawasan lain, saya merasakan PM sekarang ini bodo\$.

Langkah kerajaan mahu melaksanakan TPPA, naji\$ umpama "pakpandir08" moden.

Kegagalan kerajaan memperkenalkan mekanisma bijak mengawal kenaikan harga rumah, saya lihat otak naji\$ umpama otak seekor keldai dayu\$.

Langkah kerajaan memberi brim sepatutnya fokus kumpulan yang susah atau miskin dan memerlukan saja, saya lihat otak naji\$ umpama otak seekor lembu.

Kegagalan naji\$ membendung rasuah khususnya kumpulan jerung, membuatkan saya melabelkannya "bapak rasuah".

Sikap naji\$ yang hipokrit, membuatkan saya melabel dia sebagai "munafik".

Sikap naji\$ yang tiada integriti, saya melihat anjin6 lebih mulia dari naji\$.

Apa yang hebaknya naji\$ razak ini?????

Inikah pemimpin yang ahli-ahli umno banggakan????

Kepada ahli-ahli umno bawahan, sedarlah yang atas menyokong naji\$ bukan kerana agama, bangsa dan negara tetapi hanya RM \$\$\$\$ sahaja.

Maka kamu perlu bijak, menolak orang seperti ini dan pilihlah ketua yang lebih jujur, lebih bijak dan lebih bersih dari kekotoran yang dimurkai Allah swt.

Wassalam.



56. [Log in to Reply sibotakJun 17,2016 5:49 AM](#)

UMNO members that listens to Najib
Basically Najib is in the upper hand
He is The Prime Minister of Malaysia
He has the Authority
These authority should and must be guided with
Right and Wrong , Do"s and Don"t

Failed to abide by the Rules
System will Collapsed , Malaysia will Collapsed
These system will never work
It is in the matter of Time

Basic rule is
What wrong can never be look Right

What Right can never be look Wrong
Its a Chemistry for Malaysia Progress

The difference of Truth

Proton founded by Tun Mahathir
Though it is till now not within our Malaysia Dreams
It is working ,It benefits Malaysian in certain ways compared to of course
Imports Cars like Mercedes, Toyota , Nissan and the many
They are Veterans , They are Pioneer
Proton is our new Bird
Now we see the Feathers though it has not Fly

SO , What is 1MDB founded by Najib ?
Yes , we see it as one Gigantic , with Mega signboards
ButWhat it is till today ?
Why is it establish , for what agendas ?
What are the products ?

Simple direct questions
Where does the billions of debts money goes ?
Lay it on the Table
Lets the Court be The Judge

We Malaysia
Demand an answer



57. [Log in to Reply umranrcJun 17,2016 3:25 AM](#)

Salam Tun,

YA, kita mahu Negara ini kembali kepada zaman dimana namanya harum keseluruh dunia. Dalam dunia penerbangan ini, terutamanya kejuruteraan, saya ni berjumpa dengan warga profesional asing boleh dikatakan setiap hari, kadang-kadang tu terkeluar juga cerita tentang Negara ni, segan kita.

Dalam pada itu ada yang berpendapat langkah Tun bersama-sama Lim Kit Siang serta para pemimpin barisan alternatif sebagai sesuatu yang kurang arif. Pada pendapat saya, memerangi pecah amanah dan membetulkan yang salah itu perlu dilakukan walau bagaimana cara sekalipun.

Ideology politik mungkin berbeza, tetapi persefahaman tentang perlunya membetulkan keadaan itu yang penting. Mungkin ramai yang masih rambang mata dengan sogokkan wang, tetapi ingatlah, rezeki yang kita terima itu biarlah bersumberkan yang bersih.

Mohon sedikit laluan Tun,

Selamat Pagi PakPandir08,

Salah satu sebab utama saya menulis disini kerana pos-pos yang bijak serta pembawakan sejarah oleh

PakPandır08. Dengan bertanyakan soalan-soalan yang pedas dan membuahkan penulisan yang cerdas, ianya berjaya menarik minat saya untuk memberikan ulasan.

Saya, tanpa rasa segan atau silu untuk menyatakan bahawa perkara seperti pindaan Undang-Undang Persekutuan yang menyebabkan hilangnya kuasa Agong untuk membatalkan sesuatu rang undang-undang baru itu berlaku semasa pemerintahan Tun. Operasi Lalang yang melibatkan ramai pemimpin alternatif kedalam juga semasa era Tun. Perkara-perkara ini jelas berlaku dan ianya menjadi sebahagian daripada lipatan sejarah Negara kita.

Akan tetapi PakPandır08, walau bagaimanapun sekalipun pun kita menangis, yang telah mati itu tidak boleh dihidupkan semula! Maksud saya, tiada apa yang boleh kita lakukan sekarang ini untuk membetulkannya kecuali menjadikannya sebagai sempadan untuk masa hadapan. Ya, pada mereka yang tertangkap serta disimpan tanpa bicara, sudah tentunya perasaan marah serta dendam tidak akan berkesudahan. Apa tidaknya, hilang masa untuk bersama-sama keluarga dalam kehidupan harian dan sedar-sedar anak yang kecil tiba-tiba sudah pandai bercakap apabila dibebaskan.

Jika ini berlaku kepada pesalah jenayah, apa boleh kita buat, penjenayah itu sendiri yang memilih jalan ini. Tetapi jika ianya berlaku kerana perbezaan ideology, maka terlalu berat untuk kita fikirkan rasionalnya.

Dan, kerana inilah, pengorbanan mereka-mereka yang terdahulu perlu kita hargai dengan menyokong Deklarasi Rakyat ini. Insya Allah, jika dipanjangkan umur Tun, beliau sendiri akan memperbetulkan perjalanan Negara kita ini.

Saudara PakPandır08,

Dalam keadaan sekarang, boleh PakPandır08 nyatakan disini, siapakah pemimpin yang boleh kita harapkan untuk membetulkan keadaan? Dato' Sri Anwar? Beliau tidak boleh menjadi efektif selagi berada dalam tahanan. Adakah Dr. Wan Azizah? Saya tidak kata tidak boleh, tetapi mungkin penampilan Dr. Azizah terlalu lembut. Adakah Lim Kit Siang? Mungkin pandangan beliau terlalu jauh daripada inspirasi kaum Melayu (dan ada komentar disini yang menyatakan beliau terlalu rasis, maaf saya tidak terlibat dalam menggelarkan seseorang itu rasis).

Apakata dari kalangan UMNO/BN sendiri, adakah sesiapa? Entahlah, puas juga saya berfikir, tetapi nampaknya tiada satupun yang memegang jawatan kabinet sekarang ini boleh dimajukan ke hadapan. Mungkin Tan Sri Muhyiddin berpotensi tetapi beliau sendiri pun telah diletak tepi oleh pemerintah sekarang.

Satu lagi, YA, setakat penukaran Pemimpin mungkin tidak banyak yang boleh berlaku kecuali Pemimpin tersebut mengambil inisiatif untuk memperbetulkan sistem. Disinilah pada pendapat saya, langkah pertamanya ialah menghidupkan Deklarasi ini. Jika ini berlaku, ianya membuktikan bahawa penyatuan kuasa Rakyat berupaya untuk membuang kekerohan yang sedang berlaku dan kepincangan sistem perlu diperbaiki oleh Pemimpin gantian. Jika tidak, nasib yang sama bakal menimpa beliau.

Terima Kasih PakPandır08.

Tun,

Berat rasanya untuk saya luahkan perkara ini, tetapi apa pendapat Tun tentang Majlis Keselamatan

Negara ini? Mmm... selama hari ni adakah kita tidak hidup aman dan damai? Ya, mungkin ada sedikit kekecohan kaum pada tahun 1969, tetapi kuasa Agong tidak perlulah diletakkan dibawah naungan PM.

Terima Kasih Tun.

58.  [Log in to Reply faridina Jun 17, 2016 12:48 AM](#)

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Apa yang dicarutkan si Karl ni? Baru Adelheid tersilap setuju petikan madah berhelah dia tup tup dia naik syok sampai merapu merepek2.

Paling loya dia bilang parti Najib Al Jolo ada 3 juta nationalist di belakang punggungnya!

Apakah si Karl ni baru balik dari Timbuktu? Bukankah En Hadi ni lah yang terlebih dahulu memegang tangan si gembala babi sebelum mencium tangan si gembala lembu Al Jolo!

Biaq pi lah LKS nak rasis asalkan dia tak sebat duit rakyat atau melembukan rakyat. Dia rasis kerana itu survival dia dan hakikatnya se rasis2 dia, dia tidak akan dapat memerintah negara ini secara mutlak.

Kita orang Melayu merangkap orang Islam kena pameran sifat siddiq, tabligh, amanah pada bangsa lain untuk dicontohi bukan sebaliknya.

Pandangan hang subjektif bukan objektif namanya sebab apa yang benar tentang si Al Jolo tu?

Kalau Karl Marx hidup lagi pun dia takkan sokong pemimpin sekotor Ajib Al Jolo.

Karl kunun, itu hari Jefri Din pun dah senyap hang pulak nak enter frame. Pandir04 kasi sekolah sama ini olang! Ye lah Hajar orang tu senyap sebab ni bulan puasa dia jauhikan diri dari maki hamun untuk tambah pahala dan syaitan kena gari. Tunggu jelah habis puasa bila syaitan dilepaskan semula maka sahlah akan disambung semula acara berbalas pantun.

Apa2 pun hari mengundi makin dekat harap2 rakan2 pengundi di SBKK akan membantu rakyat dengan menolak parti Ajib Al Jolo. Ingat lambang dacing jangan dipangkah ya! Dacing dah tak balance! Tolong kami bantu kami tuan2 puan2.

Wasalam Tun.

59.  [Log in to Reply sibotak Jun 16, 2016 10:06 PM](#)

Najib touches on Tun Mahathir on Proton Speech
Well at least We Malaysia see and know Proton exists
We see it everywhere in Malaysia also some foreign countries
It may not be Supreme as our Malaysia Dreams
But it is there

So Jib what is 1MDB founded by you ?
What do we Malaysia see ?
No product except We know it incurred Billions of loses founded by you
And you seems not knowing nor talking about 1MDB
You are accountable Jib
Be a man take yr pride or simply go away

60.  [Log in to Reply](#) **ahalimr** Jun 16, 2016 9:57 PM

Virus zika telah menyebabkan kecacatan pada otak bayi di dalam kandungan, tapi sekarang di Malaysia ada virus yang lebih merbahaya iaitu virus NAJUBOROS. Virus ini merebak melalui air liur yang meleleh masa tengah bercakap bohong. Virus ni tak serang bayi tapi serang otak orang dewasa hingga tak bolih berfikir dan membezakan antara hitam dan putih. Orang yang di serang terpaksa pakai kepala lutut untuk berfikir. Lebih teruk mereka yang dijangkiti hilang maruah, harga diri dan hanya pandai menjilat, mengampu dan buat lawak bodoh. Virus ini paling suka menyerang orang2 yang berpangkat tapi tapi punya harga diri. Malah ulamak pun tak terkecuali, bilang di serang jadi nasi lemak. Contohnya Hadi Awang buat fatwa berdosa dan celaka kalau pilih salah calon, Kalau berkawan dan menyokong penjenayah dan penipu terbesar di abab ini pula macam mana. Pada Hadi tak salah dan tak celaka asal dia dapat apa yang dia mahu. Mangsa akhir yang di serang oleh virus ini ialah MP Langkawi. Jadi pada teman2 dalam blok ni yang seangkatan dengan Hadi, Salleh Kroo Kroo, Nazri kaki carut kg cucok kodok, Mat Maslan Mungol dll elok la gi buat pemeriksaan sebelum terlambat. Bukan apa aku cuma prihatin sesuai dengan slogan SATU MALAYSIA.

61.  [Log in to Reply](#) **Hajar** Jun 16, 2016 8:32 PM

Salam YAB dan Yang Amat DiKasihi Tun,

1. Dalam Islam kita dibenarkan memilih salah satu antara dua kemudharatan / keburukan (kemungkaran) jika tiada pilihan lain – pilihlah yang kurang memudharatkan Jika sudah nyata kemungkaran BESAR yang dilakukan yang menindas rakyat kebanyakan, pemimpin korup ini (DSN) mesti ditolak /diturunkan dengan menolak 'Rejim/Parti Najib – BN' pada PRK 18 Jun 2016 nanti.
2. Tun abaikan saja apa2 kenyataan yang sebenarnya cuma mahu buat Tun hilang fokus dan keyakinan dalam perjuangan Tun. Dulu Hj. Hadi boleh pula 'berganding bahu – masih lagi bersama dalam Kerajaan Selangor' dengan 'gembala bab*' (hairan bagaimana pemimpin yang suka menggelar orang dengan pelbagai gelaran buruk/hina ada pengikut). Bukankah UMNO sudah Hj. Hadi 'kafirkan'? Saya tidak akan percaya kepada pemimpin lidah bercabang.
3. Izinkan saya Tun:

Saudara 'Daeng',

Analisis yang menarik (<http://chedet.cc/?p=2151#comment-133222>), dan boleh jadi kenyataan walaupun keadaan amat sukar kerana Rejim/Parti Najib sekarang sibuk 'menabur dan menghamburkan wang' – beli undi. ('Cash is King').

Kita doakan yang pengundi2 di KK dan SB tidak buta mata dan hati bila melihat wang / dedak.

Terima kasih Tun.


*** Semoga Allah S.W.T. sentiasa melindungi Tun sekeluarga ***

62.  [Log in to Reply](#) **malaysian1000000** [Jun 16,2016 6:07 PM](#)

Salam,

Dalam saya sibuk 1 menuding, dan mendesak saya tidak lihat 4 lagi kepada saya.

Bagaimana saya boleh membetulkannya.

63.  [Log in to Reply](#) **amd trmz** [Jun 16,2016 5:02 PM](#)

BULETIN UTAMA

Sari berita utama...

1."Pilihan raya pada tahun ini tidak akan diadakan, perdana menteri neajib rojak berkata pilihanraya mendatangkan kemudaratkan awam."

2."Seorang wanita ditahan kerana tersilap menaiki jet kapal terbang kak mah yang disangka kapal terbang awam. BELIAU DITANGKAP TANPA DIBICARAKAN"

3."Neajib mengharamkan belon, kerana belon boleh memudaratkan negara. Negara diisytihar darurat ada belon jatuh atas neajib."

4."Negara diisytihar berkabung dan darurat. Adik neajib Nuan nuan si panda telah mangkat."

5."Nama mahathir diharamkan kerana boleh mendatangkan kemudaratkan awam. Sesiapa bernama mahathir akan ditangkap tanpa bicara."

SAYA DAH PERNAH KOMEN PADA TUN PASAL MAJLIS KESELAMATAN NEGARA INI. AKTA INI LEBIH BERBAHAYA DARI INTERNAL SECURITY ACT (Sekurang-kurangnya tahanan 2 tahun). MKN tak tau sampai bila. DAH TAK TAU NAK MENGADU PADA SIAPA. SULTAN PUN MEREKA BUAT TAK PEDULI.....

64.  [Log in to Reply](#) **HouseWife** [Jun 16,2016 2:39 PM](#)

Assalamualaikum Tun,

Tun, sometimes my mind seems to pile up all sorts of curiosities. For instance, these 2 coming by-elections. Why are there many promises and pledges made which means in huge huge amount of money? What happened to the previous promises made? Did they fail to take off? How easy is it for them to create money, Tun? Do they still think the voters' minds are still like in the 50s, 60s, 70s? Vote only for physical development and nothing else matters? Voters now are smart and they will not be

taken for a ride a second time or a third time. Tun, do you believe in the saying that promises made by politicians are never meant to be kept? I have the impression that they simply keep some of the promises for the next round for reasons known to them. I believe voters now are more vigilant and cast their ballots on serious issues engulfing the country today.

Tun, good honest men are hard to come by nowadays, to make good leaders in whatever roles they play. It all boils up to their up-bringing. Leaders of today, esp in DSN's administration emerge as being very manipulative and clever in camouflaging their own weakness, incapacities, inabilities and selfishness with being pretentious. I believe politicians who learned the art of pretenders to survive their own careers will become bad politicians. They yearn only for self-glorifications. How many have passed with flying colours in today's government?

The less educated people and living in less developed surroundings will be easily manipulated by bad intentioned people. Their innocent minds will be inflicted with doubts, uneasiness, weariness, hopelessness and these in return will lead to deterioration of their own self-esteem, self-sufficing and self-capabilities. They've become more dependency on these self-made rajas. It's hard to think straight and see the truth when you're always fed with: "Only we are right, others are wrong. Believe only in us. Follow us and you'll be taken care of". They not only just dump these magic words into the minds of these unfortunate people but sedating them too with favours and goodies of all sorts they can give and find in the 'cabinet'.

These 'homemade recipies' seem to be a great success in this time of today's PM, but caught unaware by these unfortunate innocent people or maybe they are forced to accept. Whichever way they go or whatever levels they try to escape, a day will come where they will bump onto 'them', mostly at least will get a little taste of it. I hate to think 'them' as dedak because whatever is given will also be 'tasted' by the families of the receivers. But the seriousness of this is measured in monetary terms. Just imagine and count how much have been handed out. How much more can they afford to give? From where did they dig out? I think if this 'good rituals' is not done, DSN would face the biggest threat in his lifetime. What is it Tun? I can only think that he would encounter the exit of the Malays' trust and the loss of the Malays' votes. He couldn't afford that to happen or he'll be in hot soup. So to secure their clamps on the Malays, they assumed all Malays can be bought easily and need to be 'fed' always. What a shallow thinking. So this is where 'Cash is King' comes about. Well then, we just have to wait for the results of the 2 PRKs for them to proof that their 'homemade recipies' work well especially with the Malays. If it does then it will unfortunate for the Malay race. Only right-thinking Malays with massive guts will fight to break free. And these special people are emerging each day and counting and always will, Insyallah.

The rules of law during previous PMs' and Tun's era were blended to fit the events at that time. I'm sure everything was taken into consideration. The past PMs too had their trustworthy company of advisers and they are not imported, kan Tun. The past events and episodes are lessons to be learned. Today and now, DSN with all the powers in his hands can take all steps and remedies to amend any loop-holes found in the current rules of law. Any amendments done should reflect and benefit only the people and the country, never unto oneself. But if we are to read back the chronology surrounding the 1MDB debacles and the shameless 'billion dollar arab donation' affairs we know how he swapped the rules of law to fit his own survival.

Tun, you have tirelessly set on a long and tough journey to bring awareness to the citizens of Malaysia. If we honestly truly love our country, and that all the financial issues done by DSN has affected our pride and trust to him to an extreme low almost to a zero, so this is the time to join hands together and Save Malaysia.

May Allah Bless you Tun. May Allah Protect you Always Tun. May Allah grant you great wealth in health, happiness and knowledge. Take extra care in your safety and Thank you Tun.

65.  [Log in to Reply Karl @ www.karl-iskandar.ml](#) Jun 16, 2016 2:10 PM

Saya akan memberi pandangan secara objektif, sebagai seorang Melayu yang memilih apa sahaja yang benar, yang terdapat pada Tun dan juga Najib, demi kebaikan bangsa Melayu secara menyeluruh.

Tun says that UMNO is not the same UMNO of 1946, but Tun omits to mention if he thinks Kit Siang is still the same racist Chinaman of 69.

I personally think Kit Siang still is, and on top of that, even more racist than before.

Tun now sharing the same stage with Kit Siang, ganging up to annihilate the UMNO president who has 3 million nationalist members under him, could not possibly expect UMNO loyalists to be sympathetic with his choice. It is, in fact, a terrible choice for Tun to be seen hanging out with Kit Siang.

Hadi fiercely protests, saying that he would rather work with a gembala lembu UMNO than holding hands with the [gembala babi](#), referring to DAP-aligned Malay groups.

Hadi could not have been more candid and precise with the timing of his 'fatwa'.

My point is, that Tun could have gotten less flak if he had gone on a lone crusade against Najib, but I sense that Tun has lost his usual super confidence after too many unsuccessful attempts at "assassinating" Najib.

Making a pact which involves Kit Siang, is a big mistake that will eventually defile Tun's status as a pejuang bangsa.

Tun says, "I will not be with Kit Siang if..." which indicates that Tun is willing to forego his principles, using whatever means, so long as it helps to achieve his targets.

I believe Tun has shortchanged himself when taking a stand to support the gembala babi PAN, in this tribal conflict.

Terima kasih Tun.

<http://www.karl-iskandar.ml>

66.  [Log in to Reply pakpandir08](#) Jun 16, 2016 1:50 PM

Kepada saudara Hajar aka pembodek,

(1) Sekiranya kamu katakan saya pembodek DSN, maka sudah pastinya kamu pembodek kuat Tun
– Pembodek bermaksud memuji-muji orang lain untuk mendapatkan sesuatu
– Kamu boleh bagi contoh mana-mana kenyataan saya yang memuji orang lain seperti DSN, bagi membuktikan kamu katakan yang benar
– Namun, bagaimana kamu memuji-muji Tun boleh dilihat di blog sini bila-bila masa sahaja. Amat nyata sekali kamu dalam proses membodek ... hehe

(2) Sekiranya kamu katakan saya menfitnah Tun, kamu boleh paparkan kenyataan saya yang membuat fitnah-fitnah tersebut disini
– Adakah ia satu fitnah bahawa saya persoalkan pindaan 1994 itu sebenarnya dibuat oleh Tun dahulu?
– Adakah ia satu fitnah bahawa saya mengimbas kembali bagaimana Tun katakan bahaya Lim Kit Siang sejak lama lagi?

Cuba kita lihat siapa yang sebenarnya membodek dan tidak mampu berfikir waras dalam konteks pindaan 1994. Kita gunakan sahaja keadaan yang lebih mudah difahami memandangkan pembodek seperti Hajar mempunyai kelemahan menganalisis:

- (1) Sistem jalan raya dahulu teratur dan lengkap, lampu merah berhenti, kuning sedia berhenti dan hijau boleh jalan. Polis, ambulan, bomba boleh mengingkari peraturan ini semasa kecemasan
- (2) Kerana sebab-sebab tertentu, peraturan tersebut dipinda oleh pemimpin. Orang awam boleh melanggar lampu merah dengan budi bicara sendiri
- (3) Apabila pemimpin sudah pencen, kemalangan sering berlaku disebabkan intepresi budi bicara orang ramai adalah berbeza
- (4) Pemimpin salahkan orang ramai, dan katakan tukar pemandu sahaja sudah mencukupi. Ia tiada kaitan dengan sistem jalan raya yang dipinda itu, kerana dahulu masa pentadbiran beliau, tiada masalah timbul
- (5) Tukar pemandu masalah sama timbul, tukar lagi masalah lagi teruk, dan tukar lagi sampai bila?
- (6) Apabila kamu memberi laluan untuk orang melakukan sesuatu perkara, maka tiada salahnya sekiranya orang lain melakukannya. Ini bukan pasal budi bicara, ini pasal sistem

Apakah kesimpulannya? Negara ini diduduki oleh berpuluh juta rakyat yang berbeza dari warna kulit, agama dan latar belakang.

- Negara yang maju BERPAKSIKAN SISTEM YANG TELUS
- Negara yang lemah BERPAKSIKAN SISTEM YANG BERGANTUNG DENGAN BUDI BICARA PEMIMPIN. Sekiranya pemimpin adalah seorang yang amanah, maka nasib baik. Sekiranya tidak?

Sanggupkah pembodek meneliti apakah impaks kepada generasi yang akan datang? Adakah pembodek memahami situasi yang berlaku? Apakah yang terkandung dalam Deklarasi Rakyat? Asyik salahkan orang lain sahaja?

67.  [Log in to Reply](#) **amd trmz** [Jun 16,2016 10:20 AM](#)

NEJIB SI PEMUSNAH PROTON

Sian tun, ari tu ex ceo one n dee bee kena kambing hitam. Sekarang tun mahathir pulak.. NEJIB KATA

'Era tun mahathir telah berakhir, proton maju ke hadapan bla bla bla' rujuk akhbar urusan mesia.

HAKIKATNYA...

1. NEJIB MENGABAIKAN DASAR AUTOMOBIL NEGARA. KERETA NEGARA TIDAK LAGI DIPANDANG SEBAGAI KERETA NASIONAL.
2. KENAKAN CUKAI KERETA PADA PROTON YANG TINGGI OLEH KERA JAAN NEJIB.
3. NEJIB TIDAK SERIUS MEMBAWA PROTON SEBAGAI KERETA NASIONAL. BUKTINYA KERETA NEGARA LUAR BEBAS MASUK PASARAN MALAYSIA, PROTON SUKAR MASUK PASARAN MEREKA. SAYA TERINGAT TUN PERNAH MERUNGUT BAGI PASARAN EROPAH "BILA KITA DAH CAPAI STANDARD NEGARA MEREKA, MEREKA UPGRADE STANDARD BARU".

NEJIB PEMBOHONG, PENIPU, PEMUTAR BELIT...

Saya cuma nak tanya satu je soalan kat nejb...???

"Kenapa lepas tun letak jawatan dari pengerusi proton, baru nak bagi pinjaman mudah pada proton kalau anda betul sayangkan proton, kenapa tak bagi masa tun dr mahathir berada dalam proton???!"

YEA.. BUKAN SEBAB ANDA SAYANGKAN PROTON TETAPI ANDA DENDAM PADA INSAN BERNAMA MAHATHIR

Nejb si anak didik mahathir 'kacang lupakan kulit'

68.  [Log in to Reply](#) **Aktivis Islam** [Jun 16,2016 10:09 AM](#)

Maaf pembetulan, Protocol No. 12

69.  [Log in to Reply](#) **Aktivis Islam** [Jun 16,2016 10:07 AM](#)

Assalamualaikum Tun,

Ramadhan ni sy takmau komen byk dan kurang ambil tahu hal politik. Cuma sedikit respon kpd WandyCaswady

Protocol no2 of Jewish Protocol.

"2. Freedom is the right to do what which the law allows. This interpretation of the word will at the proper time be of service to us, because all freedom will thus be in our hands, since the laws will abolish or create only that which is desirable for us according to the aforesaid program."

"3. We shall deal with the press in the following way: what is the part played by the press to-day? It serves to excite and inflame those passions which are needed for our purpose or else it serves selfish ends of parties."

"4. NOT A SINGLE ANNOUNCEMENT WILL REACH THE PUBLIC WITHOUT OUR CONTROL.."

Ada misteri sebalik protokol ini, percaya atau tidak terpulang, tepuk dada tanya selera. Allah swt suka org yg berilmu dan berakal. Bukan org yg jahil atau lbh tepat ignorant. Wallahualam. Selamat berpuasa.

70.  [Log in to Reply sibotak](#) Jun 16, 2016 8:39 AM

News ...Najib denied make use of AG of his 1MDB matters

Well ! If it soThere ' s No need to fear investigations
Need No to change the AG

A true honest man will let it flow
And allow Justice to prevails

Every each day today
Whatever Najib did seems wrong
Well It's What comes around , goes around

Malaysia Bolih
Singapore Tak Bolih
Indonesia Asal Bolih

Najib BolihBolih Blah !

71.  [Log in to Reply Hajar](#) Jun 16, 2016 7:43 AM

Salam YAB dan Yang Amat DiKasihi Tun,

Izinkan saya Tun:

1. Saudara 'PakPandir08',

Wah! Kutuk jangan tak kutuk PakPandir08 ooooo!

Nampaknya anda sudah semakin serupa dengan para PEMBODEK DS Najib @ Ah Jib Gor. Sama seperti mereka, anda juga masih tidak faham bahasa.

Cuba bandingkan komen2 anda dengan komen2 para pembodek DSN. Sama kan... kutuk, hina dan fitnah Tun Mahathir membuta-tuli tanpa berfikir dengan waras / rasional.

Adakah PakPandir08 juga sudah jadi salah seorang PEMAKAN dedak DSN? Jawab jangan tak jawab!

Yelah, DSN pernah ada RM2.6 Billion dalam akaun peribadi beliau. Pangkat DSN pun PM @ Menteri Kewangan.

Rasanya PakPandir08 memang satu spesies dengan para pembodek DSN yang kerjanya membodek untuk dapat 'dedak'? Jadi, anda fikir orang lain pun seperti anda. Alahai...

Dulu, saya sudah terangkan yang Tun tidak kenal saya (selain di blog ini). Saya juga tidak bekerja dengan Tun atau mana2 kenalan Tun. Jika anda masih tidak percaya, eloklah anda 'scan brain' anda. Minta tolong kawan anda siBod*h (salam dan minta izin), sebab dulu dia ada 'claim' yang dia ada 'brain scan result' saya yang di 'scan' di dalam mimpi dia agaknya (berdilusi – orang sakit). Dia pun seperti anda – yakin dengan segala tuduhan2 melulu dia.

Orang membodek untuk dapatkan sesuatu. Apa yang saya dapat dari Tun wahai PakPandir08? Tun boleh beri saya jawatankah? Wangkah? Hartakah? Tun seorang pesara. Sila JAWAB.

Sudah2lah PakPandir08. Elok anda bincang dengan saudara 'Jafri' tentang 'dedak' yang lebih banyak sebab sekarang anda sudah nampak menyokong DSN dengan bersungguh-sungguh (seperti Ah So HBT456).

A. Senarai yang anda beri sudah lapuk dan telah dijawab oleh Tun.

Tetapi memandangkan PakPandir08 masih mahu menyalahkan Tun (untuk MKN), tolong beri SATU rang undang2 di mana YDPA dan Raja2 tidak luluskan (tidak perkenan/ ada bantahan), dan TELAH menjadi UNDANG-UNDANG selepas 30 hari yang berlaku serta BERKUAT-KUASA semasa Tun Mahathir PM. Jika ada, saya akan mengaku yang anda di pihak benar.

B. Anda juga perlu berhenti menyalahkan orang lain (Tun M) di atas segala salah laku dan penyelewengan yang dilakukan oleh DSN. Anda seperti MELUDAH ke langit, jatuh balik ke muka sendiri!

2. Saudara 'Faridina',

Betullah. SiPakPandir selalu tuduh saya rasis jika ada dalam komen saya sentuh tentang DSN membodek kaum Cina. Sensitif dia dengan perkataan 'Cina'. Tapi perasan tidak si polan (bagi salam, minta izin..) yang sudah 'senyap' (insafkah?) bukan main berbudi-bahasa lagi dengan siPakPandir yang sah2 sentiasa menghina/memfitnah Tun M; dengan saya, habis segala kata2 'ajaib' keluar. Si polan (orang PAS) ini yang cuma sekali-sekala kata dia sokong Tun (bagai melepas batok di tangga), saya yakin sekadar 'cover up' saja..hipokrit macan Hj. Hadi. Takut kena balun kot.

Terima kasih Tun.

*** Semoga Allah S.W.T. sentiasa melindungi Tun sekeluarga ***



72. [Log in to Reply Sri Sense](#) Jun 16, 2016 2:58 AM

Salam Tun

Baru baca komen2 terbaru disini. I sempat juga lawati blog kadir jasin. Pukul 2 pagi baru sempat membaca. Sejak hubby baru keluar hospital dan anak pula nak nikah secepat mungkin, bakal suami kerja Jepun, I sibuk sangat. I think yang paling meletihkan jaga orang sakit, I jadi nurse, I jadi dreber. Wow macam2 tugas sekali gus. Not to mention kerisauan dalam hati.

Anyway Tun, I rasa Najib nothing special, dia special sebab dia anak Tun Razak. Kalau tak ada Tun Razak orang tak pandang dia. Sejak jadi PM dia tak bawa sebarang kemajuan. Bala pulak datang menimpa2.

I pernah nampak beliau kat function, dia salam tak tengok muka orang. Sort of aku datang jalan tugas, aku balik. Mungkin dia special pada mereka yang dapat habuan, pada yang tidak, nothing



special.

Amanah to me, sebuah parti baru. Macam I sebut earlier kalau tengok muka Mat Sabu I ingat PAS



aje.

Nak menang kena kerja kuat. Target group should be anak2 muda sebab mereka suka pembaharuan, orang tua2 ini lebih complacent. Itu sebab kita lihat pengikut PKR banyak anak2 muda. Bijak Anwar Ibrahim.

While UMNO sering pandang rendah golongan muda. Mereka lupa inilah badan pelapis.

Parti DAP pun dah dapat wanita2 Melayu muda dan cantik masuk parti mereka. Anyway kehadiran orang Melayu dalam DAP bukan baru, zaman I sekolah dulu pun dah ada wakil rakyat lelaki Melayu



dari DAP.

Kalau UMNO tak nak berubah, UMNO akan kalah juga akhirnya. Ini hakikat bukan kerna apa yang Tun



dah lakukan dulu2.

73.



[Log in to Reply adelheidJun 15,2016 11:37 PM](#)

Dear Tun,

'The enemy of my enemy is my friend'. Since time immemorial people have long known and have practised the doctrine. In World War II, the Cold War, the Middle East. The world battle against ISIS today. Even UMNO is practising it by being lovey dovey with PAS.

Hence what is wrong with Tun Mahathir standing side by side with Lim Kit Siang? What is done is done. Henceforth we must see things from a wider perspective, from this time on. LKS is chinese. He is also Malaysian. There are so many Malaysian chinese here in the country Tun. Like the malays. We

cannot pretend we cannot see each other. We need and we can live with each other for a better more prosperous Malaysia or at the least a more liveable Malaysia.

Tun, what you are doing right now couldn't be more right. By agreeing to work together with your long-standing political nemesis both you and LKS are working to defeat a common enemy, saving our beloved country from a devouring sheep in wolf skin Prime Minister and unfortunately his government of UMNO-BN. This is the fact and we cannot anymore lie to ourselves.

Be strong Tun Mahathir. We cannot go wrong when we hold on strong to what we believe.

Goodnight dear Tun. Selamat bersahur nanti. I love you Tun Mahathir and Tun Siti Hasmah too!



74. [Log in to Reply](#) **WandyCaswady** Jun 15, 2016 10:09 PM

Assalamualaikum sekalian...

Disebabkan saya ini orangnya di atas pagar... Jadi saya lontarkan saja pandangan saya ini... Media main peranan... Dan nama BN harum di saat ini... Taktik politik yg baik... Syabas kerana mengguna peluang...

Kepada parti pembangkang... AMANAH... Bagi saya... Kamu semua masih tidak sedar lagi bahawa ada duri dalam daging... Bukanlah DAP... Tetapi Lim Guan... Dia dapat projek besar... Jadi... Harus berwaspada...

Tambahan garam sedikitlah pada luka ini... AMANAH bagaikan tiada pemimpin yg berkaliber dalam taktik politik... Di saat pilihanraya ini... Sebagai manusia... Akan lebih ramai lagi pengundi jika orang itu... Orang kampungnya sendiri... Tapi... Jika orang itu lebih bijak pandai dari orang kampung itu.. sanggup menjadi orang kampung itu... Berkarisma tinggi dan dipercayai.. bukan kerana agamanya sahaja... Bukan kerana PAS sahaja... Ttp akan peradaban nya juga perlu dilihat agar dicintai penduduk...

Janganlah pilih wakil yg hanya duduk mai dua bulan sekali ja... Memang orang kampung benci kat dia... Pisang dah buah banyak kali... Serik lah kamii... Doksahlah semata mata PAS ... Imam masjid kampung itu mungkin lebihh PASS untuk menjadi wakil rakyat... Xkiralah parti apa pun dia... Asalkan kebajikan kampung terjaga...

Apa yang saya nak sampaikan disini... Kita ini... Bukan kita lah sbb sy bukan calon... Jadi.. kamu semua... Xkira lah parti apa pun... Berjuanglah untuk rakyat kerana agama... Bukannya berjuang kerana agama untuk rakyat... Bagi saya... Ini adalah dua perkara yg berbeza... Tidak kiralah agama apapun yg kamu peluki sekarang ini... Samada Yahudi... Nasrani... Mahupun Muslim itu sendiri... Tidak kiralah parti apapun yg kamu wakili... Berjuanglah untuk kesejahteraan rakyat. ..

Salam sejahtera buat semua...



Including all the haters

75.  [Log in to Reply musato](#) Jun 15, 2016 9:17 PM

Assalamualaikum Tun.

Memandangkan sekarang musim Euro 2016, rasanya lebih meriah kiranya saya meramalkan keputusan PRK kita nanti.

Melihat pada nisbah yang dinyatakan oleh Tuan Daeng kita, 69:31 maka saya meramalkan BN akan menang.

Ramalan ini berturutan dengan analisa sebelum ini. Jika BN kalah, maka analisa saya turut tidak betul.

Terima kasih Tun.

Terima kasih Tun.

76.  [Log in to Reply musato](#) Jun 15, 2016 7:08 PM

Assalamualaikum Tun.

Bila saya memperkatakan berkenaan perkauman atau rasis, sebenarnya ia tidaklah muncul apabila kita berkawan sesama sendiri.

Apabila memperkatakan tentang negara, sedikit selisih akan menghasilkan perbezaan yang ketara diperingkat pertengahan dan kebawah secara keseluruhan.

Seperti GST. Dikatakan teorinya barang akan turun kerana GST adalah cuma 6% dan bukannya 10%+6%. Tetapi sebaliknya telah berlaku. Undang undang tidak boleh memperbetulkan setiap kesilapan yang berlaku.

Maka akan dikatakan terpulang kepada kebijaksanaan masing masing. Sedangkan rakyat menanggung perasaan terbeban segalanya.

Kita boleh berbaik baik dan bantu membantu, tetapi untuk mengasihi, maaf. Itu sudah termaktub dalam Al Quran.

Cash is king. Dengan duit kami boleh beli apa saja. Duit adalah raja. Itu slogan universal.

Terima kasih Tun.

77.  [Log in to Reply KhalidWalid](#) Jun 15, 2016 6:04 PM

Tun, Selamat Menjalani Ibadah Puasa. Assalamualaikum.

InsyAllah. Allah sentiasa bersama sama orang yang sabar dan benar.

Keburukkan tidak dapat bertahan lama. Akan terserlah jua. Namun langkah pengawasan dan pengawalan Tabung Negara haruslah di uruskan dengan lebih efektif, yerperinci dan pemantauan dari peringkat awal untuk mengelak kan berulang sekali lagi.

Di bulan yang mulia ini saya berdoa semoga Tun panjang umur mendapat kemenangan. di suatu masa nanti. Amin.

78.  [Log in to Reply](#) **pakpandir08** Jun 15, 2016 5:13 PM

Kepada saudara Hajar,

(1) Mana ada pembodek di dunia yang akan mengaku diri mereka pembodek? Mana juga manusia yang makan dedak mengaku diri mereka makan dedak juga?

(2) Pembodek disini mengecam menteri kerana terasa gelagat / alasan menteri yang cuba mempertahankan pemimpin mereka amat lucu sekali. Namun, pembodek tidak sedar bahawa mereka sama lucu juga dengan cara mereka membodek di sini. Bezanya hanya di kem yang bertentangan

Apa yang saya tampilkan disini, ialah agar Tun sepatutnya tidak selalu menyalahkan orang lain. Manusia perlu mengaku kesalahan sendiri dan menyarankan kaedah untuk memperbaiki kesalahan yang dilakukan

Apa yang saya katakan adalah fakta yang nyata dan jelas, tidak seperti pembodek yang hanya tahu membodek. Faktanya boleh dijumpai di setiap blog Tun, hanya pembodek sahaja yang buta tak nampak

Di blog ini, sedemikian yang dijumpai:

(A) Tun kecam akta yang tidak diluluskan oleh Yang Di Pertuan Agong. Namun pindaan 1994 itu siapa yang lakukannya?

(B) Tun kecam ramai yang tidak boleh berfikir apabila terjumpa Tun bersama Lim Kit Siang. Tidak wajar untuk Tun mengecam golongan ini, kerana minda mereka memang dipupuk oleh Tun sekian lama agar berfikir sedemikian. Apa salah mereka?

(C) Demokrasi? Pemecatan hakim-hakim dahulu itu apa cerita?

(D) Kebebasan? Operasi lalang dan tahanan ISA yang ramai dahulu itu cerita donggeng?

79.  [Log in to Reply](#) **adelheid** Jun 15, 2016 4:42 PM

Dear Tun,

I would like to quote fellow commentator Karl @www.karl-Iskandar.ml (Jun 15, 2016 1:54 PM) :

"We are told we need to overthrow Najib, and since UMNO is with Najib, we need to throw both off the power grid. Or perhaps you prefer I wrote it as power greed. And no doubt, we need to overthrow the government, or what else could it mean?"

Tun, I couldn't agree more with the above comment.

It's time we see things from a wider perspective a bigger picture, Tun.

Selamat berbuka puasa nanti. Remember to rehydrate drink lots of water. Take good care Tun.

80.  [Log in to Reply](#) **zulu** Jun 15, 2016 4:29 PM

Najis won't relinquish his PM post. he know he and his will be cordoned immediately. Najis trying various method to erase his looting stint from the minds of Malaysians, but I think that will haunt him till his last breath. Now Najis's wife is desperately trying to block the comments about her travel itineraries in private jet to various countries accompanied by dummy minister (maid?) like Azalina Othman (she had pure royal style life with people money hahahaha...).

81.  [Log in to Reply](#) **freemind** Jun 15, 2016 2:40 PM

Malaysia adalah sebuah negara Islam berbilang bangsa/ugama yang sangat dihormati sedunia. Keamanan negara dan penumbuhan ekonominya yang tinggi amat dikagumi oleh ramai negara negara Islam yang sering menghadapi berbagai masalah dalaman.

Perbankan Islam di Malaysia turut dilihat sebagai asas pentadbiran kewangan yang lurus dan stabil.

Apabila kita merenung dalam masaalah 1MDB dan UMNO, kita dapati ia berpunca daripada pinjaman wang menggunakan sistem riba dimana masa depan rakyat dipajakkan untuk memperolehi pinjaman berbentuk riba ini melalui Goldman Sach.

Wang kocek atau loan fee setinggi 10% yang diberikan kepada Goldman Sach untuk mendapat pinjaman riba ini juga tidak berlandaskan sistem perbankan Islam.

Juga menjadi kemushkilan, mengapakah tidak ada undang undang sistem pengawasan jawatakuasa dalam negeri sebelum pelaburan serong atau pinjaman sebesar ini dapat diusahakan oleh ketua negara.

Kelemahan dan ketiadaan struktur ini boleh mengakibatkan tragedi seperti ini berulang lagi.

Saya sarangkan supaya ketua akademia Islam, ketua perbankan Islam dan juga para ahli politik terkemuka dan juga Raja Raja bersidang mendirikan rangka kerja baru untuk menangani isu ini. Mereka yang tidak ingin menyertai persidangan ini adalah ketua ketua yang nyata mementingkan kedudukan persendirian.

Tidak secara langsung, persidangan ini juga dapat memhidupkan kembali skandal 1MDB dan Najib di minda rakyat.

82.  [Log in to Reply Karl @ www.karl-iskandar.ml](#) Jun 15, 2016 1:54 PM

Aslm.

Tun reminds us of UMNO's past, when Tun was a great part and influence.

We can take lessons from Tun, whether to repeat for the best or worst, from his own past experience, both his triumphs and failures.

If the past is the cause of our problems today, we must not repeat them. We need to analyse. From a clearer unbigoted point of view.

And still, no matter how we analyse the past, we still need to design the future.

The crises of UMNO infighting, the monarchs power issues, the sacked judges etc etc were all in the past but makes its transit and cameo appearance here in the present, causing great complications and manipulations alike.

We are told we need to overthrow Najib, and since UMNO is with Najib, we need to throw both off the power grid. Or perhaps you prefer I wrote it as power greed. And no doubt, we need to overthrow the government, or what else could it mean?

Tun has already given up on reform, and the next risky step is to start a *soft revolution*, which is the core meaning of **desakan** via the Deklarasi Rakyat. This, you and I need to *faham*.

I hope and pray, I'm not too right about this.

Economists predict that the world will go through an economic turbulence, sometime this 2016. Whenever that approaches, a political malfunction in Najib's clutch will not help the country to steer away from all the oncoming accidents ahead and from those laying in ambush.

To brace myself for the future shock, I'm reading Saul Alinsky's Rules of Radicals.

Terima kasih Tun.

<http://www.karl-iskandar.ml>

83.  [Log in to Reply sunny spoon](#) Jun 15, 2016 10:39 AM

Salam Tun,

IPIC sudah mula membuka langkah kedua, membuka tsuit malang 1MDB yg makin membusuk.

Tuntutan USD6.5 Billion kepada Chewan DB dan MOF.

Nak cari duit mana plak nak dibayar suma tuntutan tersebut. Tentu ada lagi aset negara yg tergadai.

Aku kusumpah "dia" mati kering..

Mekasih Tun

84.  [Log in to Reply](#) **Fariq Islam** [Jun 15, 2016 7:47 AM](#)

Assalamualaikum, Tun.

Cara berpolitik sesetengah ahli politik kenalah lebih beretika.

Kit Siang juga mendukung aspirasinya yang baik untuk ibu pertiwi. Hanya cara mengecapinya berlainan. Janganlah pemimpin-pemimpin UMNO serang secara peribadi, untuk memberi gambaran salah terhadap DAP.

UMNO masih memegang kuasa dalam pentadbiran Negara. Buatlah sesuatu untuk kebaikan Negara and kebajikan Rakyat. Rakyat akan menyokongnya. Tak usahlah serang DAP yang hanya merupakan parti kecil, di mana jumlah kerusi yang dipertanding kurang daripada UMNO, PKR dan PAS.

Sentiasa bertanya pada diri. Apa yang harus saya atau parti saya lakukan untuk kepentingan Negara dan Rakyat?

85.  [Log in to Reply](#) **faridina** [Jun 15, 2016 7:02 AM](#)

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Pertama sekali 'dua ibu jari kaki ke atas' buat pakpandir08 atau kembor Mat Maslan kerana berjaya menduduki tempat pertama mengupas mengipas bagi tajuk posting kali ini.

Ini barulah pembodek tegar Najib Al Jolo namanya dan si Jefri janganlah nak enter frame pulak dan lawan taukeh pandir, rasanya Hajar bilang dia ni bangsa tionghua mungkin betul sebab itu nombor 8 memang ala ong maa..

Apa2pun lu memang mendahului jaman, olang bulum atak heater lu pun sudah mandi anak air panat! Ala masa lu kasi mandi itu Ajib sama Amah air panat mesti lia suka maa.. panlir08 ooi..

Berbalik pada kenyataan Tun usah digusarkan orang parti Najib Al Jolo tu sebab LKS pun dah cukup berpengaruh di kalangan bangsanya dan mereka ini jenis yang ikut kata hati yang tidak boleh berdiam jika terhadap salahlaku paling jijik di zaman ini.

Kami pun ramai kawan2 tionghua yang bila berpolitik mereka hanya berpolitik demi kepentingan rakyat bukan berpolitik untuk kepentingan peribadi!

Akhir sekali moga analisa berstatistik Daeng menjadi kenyataan dan dimakbulkan hendaknya walaupun masa belajar statistik dulu ada juga 'variables' yang tidak dapat dielakkan.

Wasalam Tun.

p/s – Memang tak gemar ke bazar Ramadhan sebab akan terbeli tak sengaja makanan yang akhirnya tak termakan tapi masih jimat jika dibandingkan berbuka di hotel2. Setakat ni paling murah makan

berbuka di d'hotel Seri Iskandar baru RM39 dewasa dan satu lagi dapat baucer percuma berbuka di



restoran baharu di Bukit Jelutong pedaslah

86.  [Log in to Reply sibotak](#) Jun 15, 2016 1:15 AM

Mana Lebih Baik ?

Tidur bersama Mimpi berlainan

Atau

Mimpi bersama Tidur berlainan ?

Tidak Salah Tun Berdiri bersama Lim Kit Siang

Tun Tahu Tujuan Tun Sebenar laitu membetulkan yg tidak Betul

Yg tidak Betul nya Najib

Pemimpin UMNO , PM Malaysia ,Menteri Kewangan dan Baru Saya Tahu Pengerusi National Security

Jack of all Trade Master of None

Jika Tun Berdiri Berdiri Sebelah Nethanyahu sekali pun tidak jadi Salah Jika Tun Tahu Benar Tujuan tertentu Beliau

Seribu kali Baik Jika Tun tidak Berdiri bersama yg di sebut Jika Tun bertujuan Mengkhianati Malaysia

Yg nyata Sekarang Malaysia serupa tidak Ada Pemimpin

Kerajaan tidak satu padi Dengan Rakyat

Suara Sultan juga tidak kedengaran

Masa Akan menentukan segalanya

Ciri Kerajaan Najib Ikut ikutan ciri Kerajaan Singapura

Tapi yg nyata Kerajaan Singapura Lebih Cekap dan Cerdek

Najib Lebih Benggap

Banyak menghabiskan dan menguntungkan

87.  [Log in to Reply rimba.emas](#) Jun 15, 2016 12:21 AM

Salam Tun.

1. Di bulan yang baik ini sama-samalah kita memohon KEAMPUNAN kepada Allah s.w.t bagi yang beragama Islam. Sebabnya kita mungkin telah melakukan kesalahan keatas perkara-perkara yang pada firasat atau sangkaan kita betul sebaliknya tidak kepada Allah s.w.t.

2. Contohnya perkara-perkara sebagaimana tidak berkemampuan kita mengatasinya oleh halangan-halangan atas faktor keselamatan keluarga atau keharmonian antara kaum , bangsa dan agama.

3. Cerita Tun tidak banyak beza dengan cerita-cerita yang berlaku pada tokoh-tokoh terkenal dalam agama , ilmuan yang di angkat sebagai sejarah negarawan sesuatu bangsa , negara tidak kira pada pra sejarah silam dan zaman kini.
4. Ringkasnya hidup ini penuh ujian yang akhirnya akan menjadi bekal kepada kita untuk di bawa ke mahkamah milik Allah s.w.t ketika hari akhirat nanti.
5. Justeru Deklarasi Rakyat harus di majukan lagi dengan usaha di wartakan atau di undang-undangkan agar ia tidak menjadi sia-sia. Tun harus memikirkan untuk perjuangan masa depan kerana kita tidak tahu ajal hidup masing-masing.
6. Patut juga difikirkan untuk mengatasi masalah yang ditimbulkan oleh orang yang hendak di turunkan.
7. Kita menolak kerana hutang yang akan terbeban oleh rakyat , maka rakyat patut dilindungi undang-undang untuk bertindak melalui mahkamah.
8. Contohnya ada satu yang diutarakan rakan kita di Chedet saudara Cruze iaitu PM dan penyokong dalam pentadbirannya juga yang menandatangani menyokong PM sepatutnya menanggung bayaran hutang 1MDB.
9. Deklarasi Rakyat ini perlu di kebalkan dengan kuasa Raja-raja atau undang-undang kuasa luar yang berani mengambil tindakan dengan kuasa pemerintah tempatan.
10. Tindakan kita dengan doa petunjuk dari yang maha berkuasa iaitu tuhan bukan satu yang sia- sia jika tidak berjaya ketika di dunia ini .
11. Usaha kita membuktikan kita memegang teguh kebenaran yang di perintahkan oleh Allah s.w.t dan pasti di nilai kembali pada hari akhirat tidak kira apa bangsa serta agama manusia tersebut.

Wallahua'lam.



88. [Log in to Reply](#) **daeng** Jun 14, 2016 11:54 PM

Assalamualaikum Tun.

Saya bersependapat dengan kenyataan Tun yang memang bijak dan jelas bila menerangkan sesuatu perkara. Dalam analisis saya terhadap seorang bekas pemimpin dan kini terus berjuang demi kebaikan masa depan negara, insan bernama Mahathir Mohamad wajar digelar pejuang masa senang mahupun masa susah. Semuga Tun diberi kekuatan dan bersemangat dalam perjuangan bersama kami untuk menjatuhkan Najib Razak yang kini dikenali Naji\$ Razak @ Najib Nazak.

Saya cukup hormat kepada insan bernama Mahathir Mohamad kerana sikapnya yang gentleman. Tidak seperti seorang itu yang mengelarkan dirinya sendiri sebagai pendekar tetapi ternyata dayus dalam banyak sudut antaranya takut pada bini bernama Rosmah Puaka, mengaku diri disokong majoriti ahli UMNO tetapi takut bertanding dalam PAU dengan beribu alasan dan banyak lagi. Bagi saya, dia ini wajar digelar Pahlawan Naji\$ sepanjang zaman.

Maaf Jafri kerana mengutuk mentor kamu dalam bulan puasa ini. Saya tahu kamu sekarang sibuk membantu jentera mengekalkan Najis di dua PRK sekarang sehinggakan tiada masa untuk menulis dalam blog ini.

Mengulas 2 PRK di Kuala Kangsar dan Sungai Besar, kedua-dua punya nisbah pengundi Melayu dan bukan Melayu iaitu sekitar 69:31.

Ramalan saya jika andaian keluar mengundi untuk semua pengundi adalah 100%, 90% pengundi bukan Melayu tidak akan memberi undi kepada UMNO mahu pun PAS. Ini bermakna 27% undi bukan Melayu kepada PAN.

Baki 70% akan dibahagi ikut nisbah PAN: PAS:UMNO adalah 10:35:25.

Ini bermakna PAN memperoleh 37% (27%+10%) undi, 35% untuk PAS dan 25% untuk UMNO kerana faktor pengundi menolak Najis. Peluang kemenangan kepada PAN adalah lebih cerah kerana faktor sokongan bukan Melayu menolak BN dan PAS kali ini 90% hingga 95%.

Ini adalah pandangan peribadi saya sebagai rakyat biasa Tun.

Wassalam.



89. [Log in to Reply Hajar](#) Jun 14, 2016 10:40 PM

Salam YAB dan Yang Amat DiKasihi Tun,

"27. Tetapi yang tidak mahu faham tentu tidak akan faham juga."

1. Saya amat setuju dengan poin Tun yang terakhir. Tepat sekali.
2. PM Najib @ Ah Jib Gor dan konco2 beliau tidak akan mahu faham (tidak faham bahasa) bahawa Tun ialah warganegara Malaysia yang berhak untuk menyatakan pendirian untuk menolak PM serta pemimpin2 lain yang korup dan yang telah merosakkan reputasi dan imej UMNO/ BN/ Malaysia dengan teruk.
3. Mereka juga tidak faham yang Tun bukan ahli mana2 parti politik. Tun bebas memilih.
4. Di blog Chedet ada seorang pendokong kuat Pembangkang (DAP) yang juga tidak faham bahasa. 'PakPandi08' cuma tahu menyalahkan Tun di atas segala salah laku dan skandal2 peribadi PM Najib @ Ah Jib Gor. Takkanlah salah laku DSN yang 'songlap' duit RM2.6 Billion (ke akaun peribadi) dan menyalah-guna kuasa (tidak menghormati pandangan YDPA dan Raja2) juga dari 'landasan dan pemikiran' Tun M. Yang tubuhkan 1MDB ialah DSN, bukan Tun M. Yang 'memuja' dan lantik penasihat2 British ialah DSN, bukan Tun M. Dangkal sungguh kenyataan siPakPandır. Yang hairannya, Lim Kit Siang sendiri yang rela bekerjasama dengan Tun M – tiada paksaan. Tapi siPakPandır yang bising. Alahai...
5. Apapun Tun jangan bimbang kerana majoriti rakyat memahami Tun, dan cara Tun yang memang tulus-ikhlas dalam memperjuangkan kebenaran dan hak2 rakyat. Saya yakin jika DS Mukhriz yang

berperangai buruk dan korup macam DSN, rasanya 'tidak cukup tanah' DS Mukhriz untuk lari kerana dikejar dan dibalun oleh Tun tanpa henti.

P/S: Kepada yang tidak tahu, 'PakPandir08' bukan seorang Muslim. Makna 'pembodek' pun dia tidak faham2 setelah sekian lama jadi 'pelajar' di blog Chedet.

Terima kasih Tun.

*** Semoga Allah S.W.T. sentiasa melindungi Tun sekeluarga ***



90. [Log in to Reply](#) **musato** Jun 14, 2016 8:26 PM

Assalamualaikum Tun.

Berkenaan LKS rasanya belum lagi saya kemukakan analisisnya. Berkenaan DAP juga.

Kelihatan strategi yang digunakan oleh penasihat penasihat Najib hanyalah bertaraf politik mentah. Merancang strategi berdasarkan sosio budaya asas masyarakat Malaysia.

Perkataan perkauman semua rakyat Malaysia tahu. UMNO dikatakan rasis pada satu ketika zaman Pak Lah apabila mempertahankan bangsa Melayu.

Malah apabila timbul ura ura hudud dibentangkan maka riuh rendahlah kaum cina membangkang. Padahal berkenaan 1MDB semuanya senyap sunyi.

Maka hasilnya, kerajaan Najib hampir kalah pada PRU 13.

Sokongan kaum cina saya yakin masih belum dapat ditangani oleh UMNO. Kaum cina hanya menanggung di air keruh.

Samada kerajaan menghulurkan duit sebanyak mana pun, atau pun Tun Mahathir menaiki pentas bersama sama LKS, kaum tetap mengundi pembangkang.

Strategi politik mentah penasihat penasihat Najib untuk memenangi undi kaum Melayu melalui kerjasama dengan PAS dan menggunakan doktrin Deklarasi Mahathir – LKS hanyalah sia sia.

Undi samada kaum Melayu mahupun kaum cina pada PRU 14 tidak akan berpihak pada BN. Cuma dengan keadaan hala tuju PAS sekarang, ia sedikit sebanyak akan membantu kepada menjaga kepentingan kaum Melayu.

Namun begitu, jika dilihat kepada betapa luasnya kuasa Perdana Menteri, jika berlaku kemenangan kepada DAP sekalipun, anda boleh merombak kabinet dapur.

Namun jika Najib tetap tebakkan muka sehingga berlaku seperti darurat seperti 13 Mei 1969, maka ketika itulah tiba masanya ahli ahli tertinggi UMNO memikirkan adakah Najib layak menjadi Perdana Menteri Malaysia lagi?

Perdana Menteri taraf rendah, berfikir bahawa setiap kesilapan boleh diperbetulkan. Seperti kes 1MDB. Selepas hujan boleh berpayung.

Perdana Menteri taraf tinggi, berfikir bahawa setiap tindakan mesti tepat dan betul. Sediakan payung sebelum hujan.

Dan apabila kita berbalik kepada Al Quran dan As Sunnah, perkataan AMANAH adalah pokok pangkalnya.


Dan kita tidak dapat lihat AMANAH ini pada Najib. Maka ayat yang digunakan iaitu 'setiap kesilapan boleh diperbetulkan' tidak boleh diterima pakai sama sekali.

Apabila ditanya, tidak dijawab dengan jelas.

Apabila dijawab, jawapan adalah berbeza beza.

Apabila jawapan berbeza beza, jawapan diserahkan pada orang lain.

Terima kasih Tun.

91.  [Log in to Reply](#) **zulu** [Jun 14, 2016 6:59 PM](#)

The thief seems to be getting stronger everyday with support but economy going down. Unless the crook steps down, no improvement can be seen.

92.  [Log in to Reply](#) **Sri Sense** [Jun 14, 2016 6:27 PM](#)

Salam Tun

I simple aje I TAK SUKA NAJIB.

Dari segi rupa dia tidak handsome walaupun dia tinggi. Nothing unusual or special about him. He's so ordinary.

I tak tau la apa orang pandang pada dia. Najib is your average Joe.



Selamat Berbuka. GTG

93.  [Log in to Reply](#) **Daniel Noor** [Jun 14, 2016 6:09 PM](#)

Salam Tun

IPIC seret 1MDB dan MOF ke International Court of Arbitration..

<http://m.malaysiakini.com/news/345252>

94.  [Log in to Reply](#) **pakpandir08** Jun 14, 2016 5:31 PM

Kepada saudara RD,

Mungkin kamu yang bermata kabur dan tidak faham bahasa rasanya

(1) LANDASAN

– Siapa yang buat pindaan 1994 itu? Kamu tak faham kandungan pindaan itu? Apakah kebaikan dan kelemahan pindaan tersebut? Kenapa pula orang yang membuat pindaan itu komplain hari ini mengenainya?

(2) PEMIKIRAN

– Siapakah yang sejak lama mengasuh dan memberitahu kalian bahawa berapa jahatnya Lim Kit Siang?

– Seorang menceritakan kepada budak-budak tentang hantu di dalam hutan. Apabila budak dah dewasa tetapi mereka takut masuk hutan kerana cerita hantu yang didengar oleh mereka sejak kecil. Orang yang cerita kisah hantu itu tiba-tiba macam budak yang dewasa katakan mereka tak boleh berfikir, katakan dunia ini tiada hantu tidak pelik ke?

bodek, jangan tak membodek ...

95.  [Log in to Reply](#) **khai** Jun 14, 2016 4:36 PM

Assalamualaikum tun dan pembaca sekalian....jika nojib tidak mahu melepaskan jawatannya sebelum PRU14,habis lah ummnno.cuma pandangan sahaja...

96.  [Log in to Reply](#) **RD** Jun 14, 2016 4:22 PM

Pak Pandir berkata;

".....pemimpin sekarang hanya berjalan diatas LANDASAN dan PEMIKIRAN yang dibentuk oleh Tun sejak berpuluh-puluh tahun".

Pak Pandir mungkin lapar dan tidak terdaya baca apa yang ditulis Tun, dari no. 3 hingga 15. Lepas berbuka, baca semula apa yang Tun tulis mengenai 'landasan' yang Tun 'bentuk' semasa menjadi PM.

Apakah Pak Pandir rasa "Rang undang-undang akan menjadi undang-undang mengikut Perkara 66 Fasa 4, jika ia tidak diperkenan oleh Yang diPertuan Agong dalam tempoh 30 hari", ini tidak baik untuk Negara?

Bukankah Majlis Raja-Raja mahu akta baru-MKN ini di 'perkemas' terlebih dahulu?

Mengapa UMNO-Najib ingkar saranan Duli Tuanku dan membiarkannya menjadi 'undang-undang' selepas 30 hari?

Supaya Najib boleh istihar Darurat yang boleh menyebabkan PRU 14 tertangguh sampai bila-bila?
Nak jadi Ferdinand dan Imelda Marcos?



97. [Log in to Reply](#) **abdamat** Jun 14, 2016 1:38 PM

Assalamualaikum YBhg. Tun..

Semoga berada di dalam keadaan sihat sentiasa hendaknya..

Saya secara umumnya berasa sangat hairan di atas cara orang Melayu menganalisa situasi..

Saya sendiri tidak juga begitu bagus tetapi saya suka jujur dan mengakui kebaikan yang dilaksanakan oleh sesiapa sahaja jika ianya dilakukan dengan niat yang ikhlas dan tulus..

Kita sombong dan seolah-olah gagal untuk melihat dengan cara "bigger picture" dan "smaller picture" selain melihat situasi dari mata burung..

Yang lebih lucu (tak lawak langsung pun) lagi ialah sikap menuding jari yang tak habis-habis ke arah orang lain kecuali diri sendiri..

Islam mengajar umatnya di mana jika berselisih faham, maka kembali kpd Al Quran dan Hadis..

Juga Islam menyatakan bahawa jika berbeza pendapat dan fahaman malah beza agama sekalipun, akan terdapatnya "titik pertemuan" yang mana perlu digunakan untuk mencapai kata sepakat dan kesefahaman untuk ke arah keharmonian..

Jika kita sentiasa mengamalkan sikap-sikap di atas, maka Inshaallah kita akan ambil dan akui kebaikan yang dilakukan oleh orang lain, dengan syarat dan harapan tinggi bahawa orang ini masih lagi berada ditahap sikap yang baik dan mempunyai sikap terpuji serta memimpin melalui teladan..

Dalam aspek kepimpinan melalui teladan, ianya mesti seperti yang dinyatakan di dalam Surah Al Fatihah yang mana "mengikut jalan orang-orang terdahulu yang diberi nikmat" ..

Di zaman kepimpinan Tun M sebagai PM, Tun sendiri akan mengaku jika terdapat kesilapan dan lain-lain serta dengan terang dan nyata mempertahankan bangsa agama dan negara serta rakyat..

Saya baru separuh umur tetapi dengan apa yang saya ketahui (cetek sahaja) melalui bahan bacaan dan menganalisa juga apa yang boleh dilihat dengan mata kasar, keadaan ekonomi/politik negara di zaman Tun, maka mudah sahaja Alhamdulillah kita dapat membuat perkiraan serta "sifir" mengenai pemimpin serta Perdana Menteri Malaysia dari Tunku hingga lah sekarang..

Ada yang memperjuangkan kemerdekaan, ada juga yang perjuangkan pembangunan luar bandar dan kebangsaan..

Ada yang usahakan perpaduan dan ada juga yang membawa Malaysia menjadi sebuah negara yang pesat membangun serta menjadi contoh diseluruh dunia serta disegani..

Ada yang tertidur dan lena dan berusaha dalam masa yang sama meningkatkan industri halal..

Ada pulak yang curi duit, tiada semangat patriotik dan cintakan bangsa agama dan negara, tiada maruah, menipu, berbohong dan juga berkemungkinan besar terlibat dalam skandal-skandal pembunuhan dan lain-lain lagi yang tidak pernah dilakukan oleh PM Malaysia sebelumnya (sudah tentu lah yang tidak baik dan keji serta bodoh)..

Jadi, ada lebih baik kita bersyukur dan akui perkara baik yang telah dilaksanakan oleh orang-orang terdahulu yang telah diberi nikmat..

Kena tau beza mana baik dan mana buruk supaya apa pun komen dan pendapat kita, akan dapat dilakukan dengan adil dan saksama, demi keharmonian dan kesejahteraan rakyat Malaysia keseluruhannya..

Terima kasih Tun M dan Isteri..

Jasa mu akan dikenang hingga ke akhirnya..

Pada saya Tun ialah antara Bapa Pengasas negara ini yang masih ada dan tidak ramai..

PM yang selepas Tun bukan bapa pengasas, ayah-ayah mereka iya..

Teruskan menulis buku-buku Tun, untuk menjadi rujukan dan contoh teladan kami, sentiasa..

Inshaallah..

Tqvvm n Aslm



98. [Log in to Reply](#) **pakpandir08** Jun 14, 2016 11:40 AM

Nak salahkan siapa?

(1) Entah siapakah yang membuat pindaan Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1994
– Rang undang-undang akan menjadi undang-undang mengikut Perkara 66 Fasa 4, jika ia tidak diperkenan oleh Yang diPertuan Agong dalam tempoh 30 hari

(2) Entah siapakah yang menyemai benih permusuhan terhadap musuh politik (seperti bahayanya DAP) sejak berpuluh-puluh tahun
– Di kalangan pembodek kuat Tun di laman ini pun terdapat yang tidak puas hati apabila terlihat Tun berdukk dengan Lim Kit Siang, apatah lagi perasaan orang-orang lain yang bukan pembodek. Jadi tidak boleh salahkan mereka

Ia tidak menyakinkan orang lain apabila Tun mengecam pemimpin sekarang, kerana pemimpin sekarang hanya berjalan diatas LANDASAN dan PEMIKIRAN yang dibentuk oleh Tun sejak berpuluh-puluh tahun

© 2016 — All Rights Reserved.

Source: <http://chedet.cc/?p=2151>